

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

"TIDAK syak lagi, doa adalah 'survival' kita, 'survival' negara. Makanya tradisi mengisi Tahun Baru Hijrah dengan doa ini adalah wajar diteruskan dan malah dikekalkan."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Hijrah 1437 pada 1 Muharam 1437 Hijrah / 13 Oktober 2015 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN orang-orang mukmin, laki-laki dan perempuan, sebahagian daripadanya mereka itu menjadi penolong kepada sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 71).

TAHUN 60 / BILANGAN 126

21 OKTOBER 2015 / 1437 محرم 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Samori Ang'wa Okwiya.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Samori Ang'wa Okwiya.

Majlis berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Tuan Yang Terutama Samori Ang'wa Okwiya berpejabat di Kuala Lumpur dan berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Republik Kenya yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam sejak bulan Oktober 2012.

Usaha menangani penyakit tidak berjangkit tanggungjawab semua

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Pada tahun 2014, jumlah mereka yang meninggal dunia akibat penyakit kronik dan penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seramai 833 orang iaitu 56.7 peratus kematian daripada jumlah keseluruhan kematian iaitu seramai

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

1,470 orang di negara ini. Hasil daripada kajian-kajian yang dilaksanakan termasuk dapatan

daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah terbukti menunjukkan bahawa faktor-faktor risiko yang menyebabkan penyakit-penyakit tidak berjangkit termasuk penyakit buah pinggang ialah seperti obesiti, pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang, kurang kegiatan fizikal, tekanan darah tinggi, paras gula yang tinggi dan merokok.

Perkara tersebut ditegaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof semasa melancarkan Program Perkesakan Pemeriksaan Kesihatan (3PK) yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sentiasa tekun dan komited dengan tugas

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Kecemerlangan sektor kerajaan banyak bergantung kepada prestasi dan kualiti kerja yang tinggi dan nilai-nilai murni serta rukun-rukun akhlak yang dimiliki oleh setiap pegawai dan kakitangan kerajaan di negara ini.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, penjawat Perkhidmatan Awam yang mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap peranan mereka adalah khazanah atau aset yang paling bernilai dan berharga dalam memberikan khidmat bakti atau *service delivery* kepada para pelanggan.

Ke muka 32

Muka 5



USAHA menangani penyakit tidak berjangkit tanggungjawab semua

Muka 4



MATLAMAT negara capai pertumbuhan ekonomi mampan

Ke muka 5

UNISSA berpotensi menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang unggul

Assalamu'alaikum
Warahmatullaahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, dapatlah kita berkumpul dalam Majlis Haflut Takharruj Ke-5 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada pagi ini.

Beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka masing-masing.

Dengan lahirnya para graduan UNISSA ini, maka bertambahlah lagi sumber tenaga manusia yang memiliki pengetahuan agama. Ini pada hemat beta, adalah amat mustahak untuk menjamin *survival* agama dan negara, kerana merekalah pengimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi, khasnya dalam kalangan tenaga kerja manusia. Oleh itu adalah amat penting bagi pelajar-pelajar UNISSA dilengkapi dengan pendidikan agama yang mantap sebagai benteng menghadapi era globalisasi yang serba mencabar, agar tidak terumbang ambing dan mudah diseret oleh arus perubahan.

Semua pihak perlu berwaspada, khasnya UNISSA, selaku tonggak ketamadunan Islam di negara ini, agar jangan mengabaikan setiap perkembangan yang menyentuh hal-hal agama, baik ia berlaku di dalam mahupun yang datang daripada luar.

Atas nama agama, orang suka membawa isu-isu baru, misalnya, untuk menyangkal sesuatu perkara itu sebagai tidak ada dalam agama atau ianya tidak pernah disebut dan dibuat oleh Nabi, maka disarankanlah supaya ianya dibuang atau tidak payah dipakai lagi.

Beta melihat, pendapat seperti ini datangnya daripada orang-orang baru, yang kadang-kadang imej mereka adalah imej ulama, tetapi tidak beretika dengan etika ulama.

Ulama muktabar tidaklah secelupar itu. Mereka masih saja terikat untuk menghargai apa-apa yang baik, walaupun bukan dari hadis. Kerana itu mereka menyediakan dua kaedah atau sistem nilai: pertama, mana-mana perkara buruk yang tidak ada dalam hadis, perkara tersebut akan dikategorikan sebagai *bid'ah sayyi'ah* (perkara baru yang buruk yang sayugia jangan dilakukan), dan kedua, mana-mana perkara baik walaupun ia bukan dari hadis, maka perkara itu akan dikategorikan sebagai *bid'ah hasanah* (perkara baru yang baik dan malah jika dibuat boleh mendatangkan pahala).

Kaedah ulama muktabar yang cantik dan sempurna ini, beta ingin tegaskan, hendaklah dipegang dan dipakai terus oleh UNISSA dan lain-lain pihak di negara ini. Adapun



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sempena Majlis Haflut Takharruj Ke-5 UNISSA berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 4 Muharam 1437 Hijrah / 17 Oktober 2015 Masihi.

kaedah-kaedah baru yang berlawanan dengan kaedah para ulama muktabar adalah tidak berkenaan dengan kita.

Mengenai penyediaan pelajar-pelajar pula adalah perlu mengambil kira faktor kebolehpasaran atau *marketability* para graduan, sehingga mereka mampu bersaing dalam dunia pekerjaan yang semakin kompetitif. Sehubungan ini, beta ingin mengetahui sama ada sejauh ini pihak UNISSA ada menjalankan kaji selidik untuk mengetahui kebolehpasaran atau *marketability* para graduannya? Di manakah mereka itu sedang berkhidmat dan apakah maklum balas dari para majikan mengenainya?

Menyentuh mengenai kegemilangan Islam, UNISSA mempunyai potensi untuk menjadi institusi pengajian tinggi Islam tulen yang unggul di arena antarabangsa. Beta ingin melihat UNISSA bergerak cepat dalam memantapkan profil penyelidikannya. Beta percaya jika kedua-dua aspek, pengajaran dan penyelidikan dimantapkan, UNISSA akan melonjak selaku sebuah universiti Islam ternama di dunia.

Beta difahamkan, pada masa ini pun,

UNISSA telah mula menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar antarabangsa, khususnya dari rantau Asia Tenggara. UNISSA dipilih sebagai destinasi untuk mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab, sama ada program jangka pendek mahupun jangka panjang.

Ini adalah ciri dari kehebatan UNISSA.

Akhirnya, beta sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan para graduan dan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada para ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan pengorbanan mereka sehingga membawa kejayaan kepada para graduan. Di samping itu, beta juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga UNISSA, yang merangkumi ahli-ahli Majlis, Senat Universiti, Rektor, pegawai-pegawai utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga usaha yang murni ini sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat rahmat daripada-Nya. Amin

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

21 OKTOBER 2015 BERSAMAAN 1437 محرم 8

BANTERAS PENYALAHGUNAAN DAN PENGEDARAN DADAH

HARI Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Haram, yang diadakan setiap 26 Jun, merupakan suatu peringatan kepada kita untuk memainkan peranan masing-masing dalam mewujudkan momentum ke arah dunia yang bebas daripada kemudaratannya penyalahgunaan dadah. Oleh yang demikian, semua pihak adalah digesa untuk sama-sama membebaskan diri, keluarga dan masyarakat daripada gejala dadah agar kehidupan lebih harmoni dan sejahtera.

Bagi membendung jenayah penyalahgunaan dadah ini, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang dalam memberantas dan membebaskan negara daripada apa jua ancaman penyalahgunaan dadah haram.

Perlu diingat, institusi keluarga juga memainkan peranan yang amat penting dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah terutamanya kepada para ibu bapa, mereka seharusnya memainkan peranan yang boleh memberi kesan mendalam pada diri anak-anak dengan menzahirkan kasih sayang dan sentiasa memberikan perhatian terhadap mereka agar tidak terperangkap dalam gejala dadah. Ibu bapa perlulah mengambil tahu apa aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak mereka semasa berada di luar rumah, mematai-matai gerak-geri dan perbuatan mereka bagi memastikan mereka tidak terjerumus ke dalam perkara yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Setiap individu dalam masyarakat hendaklah menyedari hakikat tentang keburukan penyalahgunaan dadah, yang boleh mendatangkan berbagai-bagai implikasi yang tidak baik kepada diri, keluarga, masyarakat, negara dan agama. Penyalahgunaan dadah boleh mendatangkan kesan-kesan buruk seperti kesihatan sering terganggu, terdedah dengan pelbagai jenis penyakit dan boleh menyebabkan kematian mengejut. Oleh yang demikian, keburukan penyalahgunaan dadah hendaklah disebarkan oleh pihak berkuasa melalui media massa, ceramah, taklimat, jerayawara dan seumpamanya sebagai langkah pencegahan.

Perkara ini bertepatan dengan usaha yang dilaksanakan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dengan mengadakan Majlis Sambutan Sempena Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram 2015, yang diadakan di Atrium Airport Mall, Berakas, baru-baru ini. Sambutan yang membawa tema 'Perjalanan Menuju Kepulihannya' tersebut adalah sebagai langkah BKN untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang bahaya penyalahgunaan dadah.

Di samping itu, BKN sebagai agensi utama penguat kuasa undang-undang dadah mempunyai tanggungjawab yang berat dalam menangani isu penyalahgunaan dadah di negara ini. Oleh itu, usaha pembanteras dan pembasmian dadah memerlukan komitmen, kesungguhan dan penyertaan daripada semua sektor masyarakat. Setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan, badan-badan sukarela, pertubuhan-pertubuhan, institusi keluarga dan orang ramai untuk bekerjasama ke arah pembanteras segala bentuk kegiatan penyalahgunaan dadah.

Semasa sambutan tersebut diadakan, orang ramai berpeluang untuk mengetahui fungsi dan peranan Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan BKS, dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah di negara ini. Selain itu, pameran yang terdapat pada majlis itu juga dapat memberikan pendidikan kepada masyarakat tentang profil, sub-budaya serta cara-cara mengenal pasti seorang pengguna dadah, di samping mengurangkan stigma, stereotaip untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap bekas pengguna dadah.

Oleh yang demikian, semua pihak memainkan peranan berterusan dalam usaha menangani isu-isu penyalahgunaan dadah. Kita juga perlu menyedari bahawa penyalahgunaan dadah boleh membawa kemudaratannya dalam kehidupan dan mengancam keharmonian sesebuah keluarga, masyarakat dan negara. HIDUP BAHAGIA TANPA DADAH! – Ketua Penyuntingan (Rd).

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratihi Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Haji Mahmmud Hafidzie Haji Ali Mashod,
Dk. Nur Effa Ryina Pg. Haji Hamdani

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Mohammad Rainie Haji Durani

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Sylvina Hon Zae Leena

Penyuntingan

Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Penterjemahan

Hajah Musmariyani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32° C	25° C	33° C
MUARA		
32° C	25° C	33° C
PEKAN BANGAR		
31° C	25° C	32° C
PEKAN TUTONG		
32° C	25° C	32° C
PEKAN SERIA		
32° C	25° C	33° C
KUALA BELAIT		
32° C	25° C	33° C

Wallahuallah Bismillah
Sumber: JABATAN RAJCUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan muhibah



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib ketika menerima kunjungan muhibah daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Roland Grafe.

Berita dan Foto : Siaran Akhbar Jabatan Majlis Mesyuarat-Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato

Setia Haji Mohamed Taib telah menerima kunjungan muhibah daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Roland Grafe.

Majlis berlangsung di Bangunan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (JMMM) di Jalan Dewan Majlis, di sini.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, kedua-dua belah pihak telah bertukar-tukar pandangan dan membincangkan

mengenai hal ehwal yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama.

Hadir sama pada kunjungan muhibah tersebut, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; Timbalan Jurutulis MMN, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail serta beberapa orang pegawai JMMM.

Timbalan Menteri Pendidikan hadiri OECD di Republik Singapura



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail bergambar ramai pada Persidangan Pengajian Tinggi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (OECD) - Singapura yang telah diadakan di Resorts World Convention Centre, Resorts World Sentosa, Republik Singapura.

REPUBLIK SINGAPURA, - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji

Yusoff bin Haji Ismail telah menghadiri Persidangan Pengajian Tinggi Pertubuhan Kerjasama

Ekonomi (OECD) - Singapura yang telah diadakan di Resorts World Convention Centre, Resorts World

MAKLUMAN

Tarikh tutup menghantar borang pendaftaran bagi bakal pelatih pengambilan Kelima PKBN

KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara ingin memaklumkan kepada para belia bahawa tarikh tutup penghantaran borang-borang pendaftaran menyertai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Kelima, adalah seperti di bawah.

Borang-borang yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dikembalikan ke Ibu Pejabat Bahagian Khidmat Bakti Negara di alamat, Blok 18, Simpang : 32-15 Flat Anggerek Desa, Berakas.

Tarikh tutup menghantar borang ialah pada hari Sabtu, 30 Oktober 2015.

Bagi keterangan lanjut, orang ramai terutama sekali para belia boleh menghubungi Urusetia PKBN melalui talian telefon : 2340033 / 2340045 atau faksimile : 2341722.

Sentosa, Republik Singapura dari 14 hingga 15 Oktober 2015.

Semasa majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Pengajian Tinggi OECD - Singapura, Pemangku Menteri Pendidikan (Pengajian Tinggi dan Kemahiran), Tuan Yang Terutama Ong Ye Kung, berkata bahawa *sistem-sistem pendidikan wujud dan mempunyai makna hanya dalam konteks* dan konteks-konteks tersebut adalah dari segi sosial, ekonomi dan teknikal dan sentiasa berubah mengikut keperluan semasa dan ini mempunyai implikasi yang besar ke atas pendidikan di tahap pengajian tinggi. Institusi-institusi pendidikan juga mesti diselarasakan dengan keperluan-keperluan industri dan dunia.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan, persidangan

dua hari tersebut telah dihadiri oleh 500 pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli akademik dan dasar awam dari lebih 40 negara untuk membincangkan trend dan pendapat-pendapat, amalan-amalan terbaik dan cabaran-cabaran di dalam pengajian tinggi.

Mengiringi Timbalan Menteri Pendidikan di persidangan tersebut ialah Naib Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan Pengarah Pengajian (Pengajian Siswazah), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Masitah binti Haji Shahrill.

Matlamat negara capai pertumbuhan ekonomi mampan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada majlis berkenaan.



PENGARAH Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Awang Yusof bin Haji Abdul Rahman semasa memberikan ucapan alu-aluan.

JERUDONG, Isnin, 19 Oktober. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan, adalah menjadi matlamat setiap negara untuk mencapai kadar pertumbuhan tinggi yang mampan untuk menarik pelaburan asing dan meningkatkan taraf hidup penduduk.

Namun, jelasnya, untuk mencapainya memerlukan daya pemikiran inovatif yang baru bagi sama-sama berfikir dengan penekanan yang lebih besar ke atas produktiviti dalam modal insan, terutamanya untuk menarik pelaburan jangka panjang di negara ini.

Memandangkan pertumbuhan adalah faktor utama dalam membuat keputusan polisi kewangan, jelasnya, maka bank-bank pusat masing-masing telah bertindak balas dengan sewajarnya berdasarkan persekitaran domestik mereka dan hasilnya, percambahan dasar kewangan dijangka kekal sebagai kemuncak tahun ini.

Yang Berhormat yang juga selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) berkata demikian pada The 11th Annual Brunei Darussalam Roundtable 2015 di Empire Hotel and Country Club yang dianjurkan bersama oleh Asia

Asset Management Hong Kong (AAM) dan Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM) serta disokong oleh AMBD.

Menurut Yang Berhormat, hal itu mengakibatkan, pasaran kewangan global pernah mengalami kegawatan sebelum ini dengan berlakunya turun naik kelas aset yang banyak, di mana harga komoditi telah jatuh dan kadar pertukaran terus turun naik.

Tambah Yang Berhormat, turun naik dalam komoditi dan pasaran pertukaran kewangan global juga telah memberikan impak yang ketara di pasaran sukuk, anggaran terkini menunjukkan ke arah pengurangan di bawah USD100 bilion dalam jumlah terbitan sukuk tahun ini.

Walaupun begitu, terangnya, pakar-pakar masih percaya bahawa masa depan pasaran masih akan berada di trajektori menaik berdasarkan kepentingan semasa untuk menerbitkan sukuk dari kerajaan asing, kuasa-kerajaan asing dan beberapa sektor korporat.

Dengan latar belakang itu, jelasnya, rantau ASEAN terus mengambil langkah yang besar untuk membangunkan pasaran modal, rangka kerja kawal selia sedang diperkukuhkan, khususnya untuk pembangunan pasaran bon.

Berhubung dengan itu, ujarnya, terdapat juga usaha berterusan untuk mempromosikan rantau ini sebagai satu kelas aset yang sudah pasti akan memberikan kesan positif kepada negara Brunei, khususnya bagi pembangunan pasaran bon kita sendiri.

Di dalam negeri, tambahna, pelaksanaan enakmen Akta Perintah Pasaran Sekuriti Tahun 2013 dan Peraturan-Peraturan Pasaran Sekuriti awal tahun ini adalah beberapa pencapaian utama bagi negara Brunei dalam merealisasikan wawasan negara untuk membangunkan pasaran modal.

Kedua-dua rangka kerja undang-undang telah direka, jelasnya, untuk memenuhi piawaian antarabangsa, iaitu Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO), yang melambangkan komitmen yang tidak berkesudahan untuk mengukuhkan lagi infrastruktur pengawalseliaan di negara ini yang diperlukan untuk membantu dalam pembangunan pasaran modal.

Di samping itu, ujar Yang Berhormat, terdapat juga kemajuan yang menggalakkan di negara ini untuk meningkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan individu dalam industri kewangan dan juga untuk meningkatkan perlindungan pelabur secara umum.

Yang Berhormat turut menghargai usaha CIBFM untuk menjadi pusat pemeriksaan pelesenan bagi pemegang perkhidmatan pasaran modal di mana keperluan pelesenan itu bertujuan untuk membantu dalam memastikan tahap tertinggi kecekapan dan kualiti syarikat berlesen dan individu di negara ini.

Wawasan 2035 merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang makmur bagi Brunei Darussalam, dalam perkara itu, Yang Berhormat percaya sektor perkhidmatan kewangan memainkan peranan yang penting di mana negara menjangka kenaikan kadar lapan peratus dalam sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam 20 tahun akan datang.

Pengantaraan kewangan menyediakan sokongan peranan yang diperlukan dalam pertumbuhan industri lain, sebagaimana AMBD,



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada The 11th Annual Brunei Darussalam Roundtable 2015.

**Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

ujarnya, berterusan melibatkan diri dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk menentukan dengan lebih jelas peranan perkhidmatan kewangan dalam mencapai Wawasan 2035.

Kerjasama di antara AMBD dan Kementerian Kewangan (MOF), terangnya lagi, untuk mewujudkan bursa saham di negara ini adalah satu langkah utama untuk membangunkan pasaran modal di negara ini.

Penubuhan itu, jelasnya, dijangka memberi sumbangan besar untuk meningkatkan sumbangan perkhidmatan kewangan kepada KDNK selaras dengan aspirasi Wawasan 2035.

Untuk mencapai usaha tersebut tambahna, banyak perkara yang perlu dilakukan oleh AMBD dan Kementerian Kewangan khususnya dalam bidang infrastruktur undang-undang dan fizikal, perlindungan pelabur dan untuk meningkatkan kesedaran awam.

Sebagai pengawal selia sektor kewangan, AMBD terus membina di atas usaha-usaha untuk menjadi sebuah institusi yang mempunyai reputasi dan integriti yang tinggi serta inisiatif untuk meningkat dan mengukuhkan infrastruktur kewangan tetap menjadi keutamaan utama dalam AMBD, terutamanya dalam memastikan langkah-langkah kawalan adalah setanding dengan piawaian antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh IOSCO, Persatuan Penyeliaan Insurans Antarabangsa (IAIS) dan Jawatankuasa Basel mengenai Pengawasan Perbankan.

Adalah diharapkan dengan berbuat demikian, ujar Yang Berhormat, keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan kita akan bertambah sekali gus mengukuhkan lagi pembangunan sektor kewangan negara.

Di samping itu, para pengawalselia juga perlu mengikuti perkembangan baru dalam industri kewangan untuk memahami risiko peraturan-peraturan yang tidak terlalu ketat dan juga tidak terlalu longgar dalam membenarkan kedua-dua penyedia kewangan dan pengguna untuk mendapat manfaat dari produk kewangan.

Tema Roundtable kali ini adalah 'Menjana dan Mengekalkan Pertumbuhan' (Generating and Sustaining Growth) dan seminar pula memberikan peluang kepada para pengawalselia dan peserta industri tempatan dan serantau untuk berkongsi buah fikiran dan maklumat mengenai dengan strategi-strategi pelaburan terkini di Asia serta perkembangan ekonomi dan infrastruktur pasaran kewangan di rantau ASEAN yang akan membantu peluang pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia dalam sektor perkhidmatan kewangan.

Ia dihadiri oleh lebih daripada 150 peserta dari dalam dan luar negara termasuk para pegawai kerajaan, pengawalselia bidang kewangan dan peserta industri.

Pelbagai agenda menarik dibentangkan pada seminar itu yang antaranya diisi dengan tujuh kertas kerja dari pakar-pakar luar negara yang antara lain membentangkan mengenai 'ASEAN Economic Integration and the Role of Central Banks', 'The Emergence of the Chinese Asset Class : What the Future Holds', 'Asia's Fixed Income Markets : Financing for the Future', 'One Belt One Road', 'Multi-Strategy Investing : Navigating

'Investigating in Hedge Funds : A New Perspective dan in Praise of High Volatility' dan tiga siri perbincangan mengenai 'The ASEAN Agenda', 'Perspective on Family Offices' dan 'Global Markets and Economics : Outlook for 2016'.

CIBFM yang terletak di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam adalah satu entiti latihan di bawah AMBD dan telah diberi pengiktirafan sebagai satu institusi latihan dalam menyediakan kelulusan nilai tambah dalam bidang perbankan, kewangan dan pengurusan.

Manakala, AAM adalah satu firma penerbitan dari Hong Kong yang menyediakan trend-trend dan strategi-strategi dalam industri pengurusan dana serta maklumat dan laporan yang komprehensif mengenai isu-isu yang berkaitan dengan industri kewangan.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apang, Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD, Setiausaha-Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta pegawai-pegawai eksekutif daripada institusi-institusi kewangan.



ANTARA yang hadir pada The 11th Annual Brunei Darussalam Roundtable 2015 termasuklah pegawai-pegawai eksekutif daripada institusi-institusi kewangan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khataib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program Perkesanan Pemeriksaan Kesihatan, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan semasa berucap dan melancarkan Program Perkesanan Pemeriksaan Kesihatan.

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, daripada hasil kajian faktor-faktor risiko tersebut menunjukkan bahawa mereka dalam kategori ini akan menghadapi risiko yang sangat tinggi bagi menghadapi penyakit-penyakit tidak berjangkit jika tidak ada sebarang kawalan serta rawatan lebih awal dan segera.

"Dalam menangani isu ini bukan sahaja semata-mata dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Kesihatan malahan sektor bukan kesihatan seperti agensi-agensi kerajaan lain, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin peringkat akar umbi dan semua lapisan masyarakat hendaklah bersama-sama bertanggungjawab, komited dan bertindak sekarang," jelasnya.

Jika tidak, tambah Yang Berhormat, risiko dan akibat penyakit-penyakit kronik dan tidak berjangkit ini akan terus menular dan menjadi bebanan yang berat bukan sahaja lebih dirasai oleh pesakit itu sendiri malahan juga

kepada keluarga serta mengakibatkan peningkatan kos penjagaan dan rawatan kesihatan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semakin meningkat dan sekali gus mendatangkan impak negatif terhadap perkembangan sosioekonomi negara.

Yang Berhormat berkata, memandangkan pendekatan pemeriksaan kesihatan (*health screening*) adalah kaedah yang diiktiraf sangat berkesan dan kos efektif dalam menangani penyakit-penyakit tidak berjangkit dan setelah direview serta dengan usaha peningkatan keberkesanan program pemeriksaan tersebut, satu pembaharuan program telah diperkenalkan yang dinamakan Majlis Pelancaran Program 3PK.

Program 3PK ini, jelas Yang Berhormat, adalah merupakan program yang dihasrat akan meningkatkan lagi keberkesanan pemeriksaan kesihatan melalui beberapa pendekatan iaitu salah satu daripadanya ialah Jerayawara 3PK yang akan diadakan di setiap kementerian-kementerian.

Di samping itu, katanya lagi, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan

Usaha menangani penyakit tidak berjangkit tanggungjawab semua

untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan, menyebarkan informasi mengenai penyakit-penyakit tidak berjangkit serta impaknya dan seterusnya memudahkan *accessibility* kepada perkhidmatan pemeriksaan.

Oleh itu, jelasnya, kerjasama padu daripada kementerian-kementerian yang terlibat adalah mustahak dan sangat diharapkan bagi memastikan program ini berjaya dilaksanakan seperti yang dihasratkan.

"Apa yang ingin sekali saya tekankan bahawa mengikut kajian adalah terbukti dan juga sebagaimana saranan WHO bahawa penyakit-penyakit tidak berjangkit sebenarnya boleh dicegah dan dikawal. Oleh yang demikian, apa yang paling mustahak ialah kesedaran dan komitmen setiap individu sendiri untuk mengubah *mindset* dan sikap supaya sentiasa mengamalkan dan membudayakan cara hidup sihat dalam kehidupan seharian," tegas Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat juga ingin mengingatkan dalam keadaan di mana pesakit telah dikesan menghadapi penyakit tidak berjangkit mereka hendaklah sentiasa mematuhi nasihat dan arahan profesional kesihatan, di samping mengamalkan cara hidup sihat secara berterusan dan yang sangat mustahak untuk diikuti ialah supaya memakan ubat secara teratur mengikut preskripsi yang diberikan oleh doktor.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga ingin mengingatkan kepada orang ramai khususnya penghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit supaya tidak mudah terpengaruh dengan iklan-iklan yang menjanjikan boleh menyembuhkan penyakit sehingga mengabaikan pengambilan ubat-ubatan yang telah diberikan doktor, pakar dan pegawai profesional yang mana boleh mendatangkan risiko dan komplikasi.

Program 3PK adalah terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang berusia 40 tahun ke atas dan tidak mempunyai perjanjian berterusan penyakit kronik di pusat atau klinik kesihatan atau klinik pakar di mana-mana hospital.

Tujuan utama program ini adalah untuk meningkatkan penyertaan orang ramai yang berkelayakan untuk mengikuti program pemeriksaan kesihatan, di samping untuk meningkatkan kesedaran orang ramai akan kepentingan pemeriksaan kesihatan dan menyebarkan informasi mengenai penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Satu sesi forum kesihatan juga telah diadakan pada majlis tersebut yang dipengerusikan oleh Pengarah Umum, Kementerian Kesihatan, Dr. Awang Zainal Ariffin bin Haji Awang Yahya bersama tiga orang ahli panel forum iaitu Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim dengan tajuknya 'Faktor Risiko Penyakit Tidak Berjangkit'; Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dengan tajuknya 'Pencegahan Awal Kesihatan Dari Perspektif Islam'; dan Pegawai Jururawat, Dayang Cathrina binti Haji Md. Sigie Al-Islam dengan tajuknya 'Program Pemeriksaan Kesihatan'.

Selain forum, *booth* pendaftaran bagi Program 3PK dan pameran mengenai program pemeriksaan kesihatan juga telah diadakan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said dan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Maslina binti Haji Mohsin, selaku Pengerusi Bersama majlis.



SEBAHAGIAN warga Kementerian Kesihatan yang menghadiri majlis pelancaran program tersebut.



MAJLIS pelancaran tersebut diserikan lagi dengan Forum Kesihatan yang dipengerusikan oleh Dr. Haji Zainal Ariffin bin Haji Yahya.



ANTARA pameran kesihatan yang dipamerkan pada majlis pelancaran tersebut.



Aplikasi Kursus Induksi dalam tugas seharian



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Induksi Ke-4 Bagi Pegawai-Pegawai Yang Baru Berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di Bawahnya yang berlangsung di Dewan Bertabur, kementerian berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Seramai 34 pegawai dalam Bahagian II dan Bahagian III yang baru berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima sijil masing-masing setelah menamatkan Kursus Induksi selama enam hari bermula 7 hingga 15 Oktober yang lalu.

Schubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Induksi Ke-4 Bagi Pegawai-Pegawai Yang Baru Berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di Bawahnya telah berlangsung di Dewan Bertabur, kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta kursus ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Tassan bin Haji Mohammad dari Jabatan Kemajuan Perumahan.

Dalam ucapan alu-aluan Pemangku Pengarah Pentadbir dan Kewangan,

Pengiran Kamis bin Pengiran Metamin, selaku Pengerusi Majlis berkata, Kursus Induksi ini telah diadakan di Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan (MODTC), Kementerian Pembangunan, yang merangkumi pelbagai aktiviti termasuk taklimat-taklimat dari jabatan dan divisyen di bawah kementerian tersebut, taklimat-taklimat dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dan berkepentingan dan aktiviti kerja luar kelas secara berpasukan.

Tambahnya, antara tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pengetahuan dan pemahaman lebih lanjut mengenai fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya, agar pegawai-pegawai baru dapat sama-sama mendukung visi dan misi kementerian tersebut untuk menjadikan sebuah organisasi yang sentiasa mengelinga dan menitik beratkan layanan dan kehendak pelanggan.

Jelasnya lagi, kursus ini diharap akan dapat membentuk dan membolehkan para pegawai yang baru berkhidmat di Kementerian

Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk dapat melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan dedikasi, menjadi lebih cekal dalam menghadapi cabaran, proaktif dalam membuat tindakan dan bijak dalam membuat keputusan.

Kementerian Pembangunan juga ujanya, mengharapkan dengan adanya kursus sedemikian ini akan menjadi pegangan dan dorongan bagi setiap pegawai yang mengikuti program Kursus Induksi itu untuk diaplikasi dalam tugas seharian pegawai tersebut.

Sementara itu, dalam ucapan wakil



UCAPAN wakil peserta kursus, Awang Ahmad Zuhairi bin Ishak.

peserta kursus Awang Ahmad Zuhairi bin Ishak pula berkata, melalui Kursus Induksi ini mereka sebagai pegawai kerajaan yang masih baru dalam sektor kerajaan banyak memperolehi dan mempelajari maklumat yang boleh mencerminkan diri terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing sebagai pegawai kerajaan.

Dalam program dan aktiviti-aktiviti yang disediakan juga tambahnya, telah memberikan satu pengalaman yang amat bermakna kepada mereka supaya bersiap sedia untuk memperkukuhkan 'benteng-benteng pertahanan' dalam apa juga cabaran-cabaran yang akan dihadapi dalam dunia pekerjaan dan secara tidak langsung dapat melahirkan rasa taat setia dalam berkhidmat demi pembangunan dan kebaikan kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

"Dengan keberadaan kami sebagai wakil pegawai yang baru dalam sektor kerajaan ini, insyaaAllah akan cuba memberikan nafas baru dalam memberikan idea-idea yang selaras dengan tugas yang diberikan," ujarnya lagi.

Juga hadir ke majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhamamd Lutfi bin Abdullah; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang



PEMANGKU Pengarah Pentadbir dan Kewangan, Pengiran Kamis bin Pengiran Metamin, selaku Pengerusi Majlis menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Induksi Ke-4 Bagi Pegawai-Pegawai Yang Baru Berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di Bawahnya.

Shahrom bin Haji Suhaimi; ketua-ketua jabatan, divisyen-divisyen dan unit-unit di Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta peserta-peserta Kursus Induksi.

TAP membariga Skim SCP melalui Program Menyusur Kampung

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Ahad, 18 Oktober. - Jabatan Daerah Belait dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP) mengadakan Program Menyusur Kampung di Daerah Belait. Acara tersebut diadakan di Dewan Serbaguna Kampung Sungai Mau, Bukit Sawat yang bertujuan untuk membarigakan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) kepada pekerja-pekerja yang bekerja sendiri di kawasan

berkenaan.

Acara yang diadakan ialah sesi penerangan Skim SCP, disampaikan oleh Ketua Unit Komunikasi Korporat TAP, Dayang Sri Nazrina binti Haji Johari.

Beliau menerangkan bahawa rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang bekerja sendiri seperti nelayan, penternak, pekebun, penjaja di gerai-gerai, penjaga *online*, pekerja-pekerja

freelance, dan sebagainya boleh menyimpan di dalam Skim SCP secara sukarela.

Simpanan minimum bulanan daripada peserta skim ialah sebanyak BND17.50. Antara manfaat menyertai skim ini bagi pekerja sendiri ialah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan menambah simpanan peserta dengan jumlah sebanyak BND17.50 menjadikan jumlah keseluruhan simpanan sekurang-kurangnya BND35.

Manfaat lain ialah Manfaat Keberterusan (Survivorship) iaitu jika ahli meninggal sebelum mencapai umur 60 tahun, balu dan anak-anak di bawah umur 21 tahun akan menerima pembayaran bulanan sebanyak BND400 secara terkumpul untuk jangka masa 15 tahun.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat ataupun mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Skim TAP, Skim SCP dan Skim Tabungan Perumahan, bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP melalui talian 2382800, ataupun melayari laman sesawang TAP di alamat www.tap.com.bn.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Hasmiron bin Haji Mohd Taib dan turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Urusan TAP, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai Jabatan Daerah Belait dan TAP serta penduduk di sekitar kawasan ini.



KETUA Unit Komunikasi Korporat TAP, Dayang Sri Nazrina binti Haji Johari semasa menerangkan tentang Skim SCP.



SKIM Pencen Caruman Tambahan (SCP) kepada pekerja-pekerja yang bekerja sendiri di kawasan Kampung Sungai Mau, Bukit Sawat dibarigakan oleh Jabatan Daerah Belait dengan kerjasama Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Pemenang Minda Pembaca!



Jimat penggunaan air elakkan pembaziran

AIR adalah satu sumber asli yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk manusia di muka bumi ini. Oleh itu, air memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian masyarakat untuk melakukan rutin seharian seperti minum, membasuh, memasak dan sebagainya.

Pengunaan air yang bersih amat tinggi permintaanya oleh itu cara penjimatan air

harus dilakukan. Bekalan air bersih amat terhad, Oleh itu setiap orang perlu mempunyai tanggungjawab dan perhatian untuk menjimatkan keperluan air.

Cara untuk menjimatkan air adalah jangan membiarkan air terus mengalir ketika memberus gigi dan sewaktu menyabun badan, mencuci kerita hendaklah menggunakan air baldi, menggunakan mesin basuh dengan muatan

pakaian yang penuh, baiki setiap pili air atau kepala paip yang telah rosak atau bocor, menyambut air hujan didalam takungan air untuk menyiram pokok dan tanaman. Dengan berjimat dapat membantu menguruskan kehidupan seharian dengan lebih baik.

Berlakunya bekalan air yang bersih semakin berkurangan disebabkan pemusnahan hutan, terhad kawasan tadahan air, pencemaran dan sebagainya. oleh itu, pemuliharaan air perlu dilakukan dari mengelakkan pembaziran dan menyedarkan masyarakat akan pentingnya air.

Kesimpulannya, kita patut bersyukur

kerana bekalan air yang bersih masih mampu dimiliki oleh setiap masyarakat di negara ini. Walaupun seseorang tidak boleh mengurangkan jumlah air untuk diminum (lebih kurang lapan gelas sehari) tetapi boleh mengurangkan bilangan penggunaan air sewaktu mandi, mencuci, menyiram tanaman dan sebagainya. Penjimatan air secara umum dapat menyumbangkan kepada kesejahteraan negara.

Nama : Nurjuliaha binti Abdullah

No. K/P : 01-060766

Alamat : No. 19, Simpang 14, Jalan 99, RPN Kampung Rimba, Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Sektor Pertanian Dalam Pembangunan Ekonomi'. Tarikh Tutup : 21 Oktober 2015.
2. 'Hayati Peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'. Tarikh Tutup : 28 Oktober 2015.
3. 'Banteras Jenayah Penyalahgunaan Dadah Haram'. Tarikh Tutup : 4 November 2015.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn**

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam **Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI** dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

Biar gaji kecil asalkan tidak menganggur

SEMEMANGNYA semua kita mahukan pekerjaan yang bergaji besar. Tetapi tidak semua manusia itu bernasib baik dan diberikan rezeki yang luas. Rezeki setiap manusia itu berbeza-beza. Ada orang yang rezekinya lebih dan ada yang rezekinya kurang. Ada orang yang dapat kerja cepat dan ada yang dapat kerja lambat. Ada orang dapat gaji besar dan ada yang dapat gaji rendah. Itu semua telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala cuma antara cepat dan lambat saja. Apa yang perlu kita buat ialah ikhtiar dan berusaha serta berdoa dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Di Negara Brunei Darussalam, peluang pekerjaan sebenarnya ada tapi untuk mendapatkan pekerjaan sekarang bukannya mudah. Meningkatnya pengangguran dalam kalangan lepasan graduan pada masa kini ialah disebabkan oleh sikap mereka yang terlalu memilih pekerjaan. Mereka sanggup menganggur daripada melakukan kerja-kerja berjawatan yang bergaji rendah seperti kerani, pembersih, buruh atau sebagainya yang dirasakan kurang setaraf dengan kelulusan.

Para lepasan graduan tidak seharusnya bersikap terlalu memilih pekerjaan, kerana ia bukan saja merugikan diri sendiri tetapi juga menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara, menurunkan taraf hidup, menambahkan kadar kemiskinan, dan sebagainya. Bayangkan betapa banyak pengalaman dan pekerjaan serta pendapatan yang kita rugi jika hanya duduk di rumah disebabkan sikap terlalu memilih pekerjaan.

Sikap terlalu memilih pekerjaan adalah sangat

dilarang oleh Islam sebagaimana dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, dari Abdurrahman bin Samurah dijelaskan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah berkata kepadanya :

“Wahai Abdurrahman, janganlah kamu meminta untuk menjadi ketua, kerana kalau kamu diberi padahal kamu tidak memintanya, maka kamu akan diberi pertolongan, akan tetapi jika kamu diberinya kerana kamu meminta, maka kamu akan menanggung beban.”

Para lepasan graduan juga janganlah terlalu mengharapkan pekerjaan di sektor kerajaan sahaja. Sebolehnya cubalah cari kerja di sektor swasta. Memang betul kadang tidaklah boleh disalahkan seratus peratus kepada pencari kerja kerana kebanyakan majikan lebih suka memilih pekerja yang ada pengalaman kerja, berkemahiran, berpengetahuan serta fasih berbahasa Inggeris berbanding mengambil pekerja dengan hanya berlandaskan segolong ijazah.

Namun jangan jadikan itu alasan untuk kita putus asa atau tidak mahu mencuba mencari pekerjaan yang di luar zon keselesaan kita. Tidak salah pilih kerja ikut cita rasa kita, tapi kalau terlalu memilih sampai tidak sanggup berkorban kesesuaian diri untuk mendapatkan pekerjaan, sampai bila-bila kita tidak akan dapat pekerjaan.

Tidak rugi kalau lepasan graduan mencari rezeki dengan bekerja di sektor swasta seperti di gedung-gedung *supermarket*, kedai makanan segera, stesen minyak, kedai runcit dan sebagainya walaupun ia hanya untuk sementara. Walaupun gajinya mungkin kecil,

tetapi sekurang-kurangnya kita boleh menimba pengalaman yang tidak ternilai harganya. Selain dapat membantu meringankan beban kewangan sendiri atau keluarga, ia juga adalah sebahagian daripada latihan untuk menghadapi dunia pekerjaan yang sebenar.

Para lepasan graduan juga tidak sepatutnya menjadikan bekerja makan gaji itu sebagai pilihan utama sahaja. Kenapa lepasan graduan tidak memilih untuk bekerja sendiri sama ada berniaga atau bercucuk tanam dan seumpamanya berbanding dengan hanya mengharapkan pekerjaan makan gaji sedangkan bekerja sendiri itu sebenarnya mempunyai banyak kelebihan berbanding bekerja makan gaji.

Makan gaji atau bekerja sendiri bukan menjadi soalnya. Apa yang penting ialah jangan biarkan diri kita tidak bekerja. Bekerja dengan gaji yang kecil itu lebih baik daripada menganggur. Apa jua jenis pekerjaan sekalipun sebagai buruh, selagi halal ia tetap suatu pekerjaan yang terpuji dan lebih mulia daripada menganggur. Bekerja merupakan perbuatan yang sangat mulia dalam ajaran Islam. Bekerja bukan sekadar memenuhi keperluan hidup semata-mata, tetapi juga untuk memelihara harga diri dan martabat. Sebaliknya orang yang tidak bekerja (penganggur), akan kehilangan martabat dan harga diri.

Allah Subhanahu Wata'ala sangat menggalakkan hamba-Nya supaya berusaha atau bekerja bagi mencari rezeki yang halal. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga suka kepada orang yang mendapatkan rezeki atau pendapatan hasil daripada usaha sendiri bukan dari hasil meminta-minta daripada orang lain



sebagaimana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

“Sesungguhnya seseorang yang membawa tali kemudian ia membawa seikat kayu di atas bahunya lalu dijualnya, maka yang demikian itu adalah lebih baik bagi dirinya daripada meminta-minta kepada orang yang belum tahu sama ada dia diberi atau sebaliknya.”

Maka itu bekerjalah tidak kira apa pun pekerjaan asalkan rezeki yang diperolehi itu dari sumber yang baik dan halal serta boleh menyara kehidupan diri sendiri serta keluarga. Dengan bekerja dapat mengurangkan masalah kepada individu itu sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Contohnya jika seseorang itu tidak mempunyai pekerjaan dan tidak pula mempunyai kewangan untuk keperluan seharian, tidak mustahil jika terdesak seseorang itu kemungkinan akan memilih jalan yang mudah untuk mendapat sumber kewangan dengan melakukan pekerjaan yang menyalahi undang-undang seperti mencuri, merompak, atau menjual barang-barang yang ditegah seperti rokok, dadah dan sebagainya.

MABIMS bermanfaat realisasikan gagasan Negara Zikir



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Ke-40 Bagi Negara Anggota MABIMS semasa mempengerusikan mesyuarat tersebut yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club.



PERWAKILAN Negara Malaysia ke Mesyuarat MABIMS Ke-40 diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Haji Othman bin Haji Mustapa.

JERUDONG, Selasa, 20 Oktober. - MABIMS telah memberikan banyak manfaat daripada bidang-bidang kerjasama yang dilaksanakan lebih-lebih lagi dalam usaha Negara Brunei Darussalam merealisasikan gagasan Negara Zikir dan menjelmakan masyarakat yang hidup berlandaskan syariah Islam.

Ketua Perwakilan Negara Brunei Darussalam, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, yang juga selaku Pengerusi Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) Ke-40 Bagi Negara Anggota MABIMS semasa berucap pada mesyuarat tersebut melahirkan harapan supaya semua masyarakat seumpama SOM dan MABIMS akan terus melakarkan program-program bidang kerjasama yang menjurus kepada faedah yang mendatangkan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

manfaat kepada negara masing-masing dan kepada negara anggota MABIMS secara keseluruhannya.

Terdahulu, Dato Seri Setia secara umumnya juga menyifatkan perkara-perkara perbincangan dalam SOM kali ini sebagai satu pertemuan yang istimewa kerana berpeluang untuk mencorakkan bentuk mekanisme perjalanan MABIMS sepanjang lima tahun akan datang melalui perbincangan Pelan Strategik MABIMS Tahun 2015 hingga 2019 yang akan dibentangkan oleh negara Malaysia dan Garispanduan Tatacara Kerja Urusetia MABIMS oleh Negara Brunei Darussalam.

"Setentunya daripadanya nanti kita akan dapat melakarkan bentuk masyarakat MABIMS yang akan dapat dijelmakan daripada Pelan Strategik berkenaan dengan tatacara kerja yang lebih efisien," ujarinya melahirkan harapan.

Mesyuarat selama dua hari sehingga 21 Oktober 2015 itu membincangkan dan melaporkan tujuh bidang strategik serta tiga bidang khas.

Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat tersebut yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

Tujuh bidang strategik tersebut ialah pembangunan kehidupan beragama yang progresif melalui penguatan syiar Islam dan dakwah oleh Negara Brunei Darussalam, pembangunan potensi belia sebagai generasi penerus oleh Republik Singapura, pembasmian kemiskinan melalui pengupayaan golongan fakir miskin oleh negara Malaysia, peningkatan sumber daya manusia melalui sistem pendidikan Islam bersepadu dan relevan oleh Republik Indonesia, peningkatan harmonisasi sosial masyarakat melalui pemahaman silang agama dan budaya oleh Republik Indonesia, pembangunan umat Islam di luar MABIMS melalui program sosial dan kemanusiaan oleh Republik Singapura dan penonjolan kefahaman dan amalan islam di rantau MABIMS dan peranan MABIMS ke dunia luar oleh negara Malaysia.

Sementara itu, tiga bidang khas pula ialah penyelidikan rukyah dan taqwim Islam MABIMS oleh Republik Indonesia, pembangunan halal



SETIAUSAHA Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz semasa berucap pada mesyuarat berkenaan.

MABIMS oleh negara Malaysia dan pengurusan haji oleh negara Malaysia dengan kertas tambahan 'Pelaksanaan e-Haji Dalam Pengurusan Haji' dari Tabung Haji Negara Malaysia.

Pada mesyuarat itu juga, negara-negara anggota telah membentangkan dan membincangkan laporan simposium pemantapan pelan strategik MABIMS tahun 2015-2019 oleh negara Malaysia dan garis panduan tatacara kerja urusetia MABIMS oleh Negara Brunei Darussalam.

Perwakilan Republik Indonesia pada mesyuarat itu diketuai oleh Sekretaris Jenderal Kementerian Agama Republik Indonesia, Profesor Dr. Nur Sham, perwakilan Negara Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Haji Othman bin Haji Mustapa dan perwakilan Republik Singapura diketuai oleh Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura, Tuan Haji Abd. Razak Hassan Maricar.

Terdahulu, pada sebelah paginya, telah diadakan seminar dengan tema 'Jaminan Pengiktirafan Halal Negara Anggota MABIMS' yang dibentangkan oleh keempat-empat buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, negara Malaysia dan Republik Singapura.

Hasil daripada dapatan resolusi seminar tersebut telah dibincangkan di dalam agenda SOM Ke-40 bagi MABIMS.



SETIAUSAHA Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang mengetuai perwakilan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para perwakilan dari negara-negara anggota MABIMS iaitu Malaysia, Republik Indonesia dan Republik Singapura.

Terharu diberi hidayah

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Mohammad Amin Haji Tuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Oktober. - Maksud hijrah itu bukan saja bererti berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain, hijrah juga bermaksud penghijrahan dalam diri seseorang kepada yang lebih baik dengan mendekatkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi seorang lelaki berbangsa Iban, Hamdi anak Jali, penghijrahan bagi diri beliau adalah apabila seruan untuk memeluk agama Islam kini tercapai setelah beliau melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislamannya.

Beliau memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Nurhamdi bin Jali @ Hamdi anak Jali.

Majlis Pengislaman Awang Muhammad Nurhamdi disaksikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), berlangsung di kediaman Awang Masdi bin Haji Tuah di Jalan Binglu Selatan, Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu, di sini.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Awang Muhammad Nurhamdi, 20 tahun, melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan terharu kerana diberi hidayah serta dibukakan naluri hatinya untuk memeluk agama Islam yang syumul.

Beliau yang bertugas sebagai seorang sekuriti, menyedari bahawa agama Islam merupakan agama yang benar dan mempunyai banyak keistimewaan tersendiri seperti kewajipan menunaikan sembahyang fardu lima waktu, zakat, puasa dan sebagainya.

"Adanya keistimewaan seumpama itu, lahirlah dari naluri hati saya untuk memeluk agama Islam sebagai agama pegangan hidup untuk selamanya. Kaum keluarga juga tidak ada halangan untuk saya memeluk agama suci ini," jelasnya.

Menurutnya, bapa beliau juga telah memeluk Islam sebelum ini dan ini mendorong beliau untuk memilih agama Islam sebagai agama anutannya.

Kini beliau merasakan kedamaian jiwa selepas memeluk Islam dan

mengaku telah bahagia menjadi seorang Muslim. Beliau akan mendedikasikan seluruh potensinya untuk Islam, dengan misi hidup yang baharu, Alhamdulillah.

"Saya bersujud, menangis. Hati dan jiwa kini berbisik; banyak masa untuk saya menempuh perjalanan hidayah ini. Saya kembali kepada Allah. Segera saya ingin menjadi Muslim."

Majlis diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baharu yang diraikan.

Negara Brunei Darussalam telah diisytihar sebagai sebuah Negara Zikir yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya dengan berpegang kepada Ahli Sunnah Waljamaah.

Dengan pengislaman seorang lagi saudara baharu akan menambah jumlah umat Islam di negara ini yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai akhlak mulia dan meninggikan syiar Islam.

Mengikut catatan keramaian masuk Islam seluruh negara dari bulan Januari hingga Ogos 2015 telah mencatatkan seramai 314 orang, manakala menurut catatan keramaian masuk Islam bagi DBM dari bulan Januari hingga September 2015 adalah seramai 174 orang.

Usaha mendidik mereka yang baharu memeluk agama Islam juga mendapat perhatian serius PDI dengan pemantauan berterusan tentang amalan dan praktis sebagai seorang yang beragama Islam melalui program-program dan aktiviti-aktiviti berkumpulan.

PDI juga mengadakan program pemantapan akidah yang bertujuan untuk menerapkan kefahaman Islam secara jelas kepada saudara baharu yang terlibat agar mereka dapat mengikis sangkaan buruk serta dapat membuka minda agar mereka bersifat terbuka dalam menghayati ajaran Islam.

Pihak PDI juga menetapkan apabila seseorang itu memeluk agama Islam, mereka perlu menghadiri Kursus Bimbingan Ugama yang dibimbing oleh guru agama untuk keperluan mereka.

Terdapat pelbagai pendekatan atau cara berdakwah kepada golongan saudara baharu yang dilaksanakan oleh PDI antaranya ialah kelas fardu ain yang diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada saudara baharu dalam mempraktikkan ajaran Islam.

Contohnya cara-cara berwuduk, solat dan sebagainya. Kelas-kelas pengajian ini juga mampu meningkatkan kefahaman tentang Islam kepada golongan tersebut.

Di samping itu, satu mekanisme pendidikan yang dinamakan Kursus Skim Bimbingan Muallaf telah dibentuk bagi memastikan pendidikan yang diberi dan diterima oleh saudara baharu suatu yang mudah dan fleksibel.

Sebagai muallaf, saudara-saudara baharu tentu sahaja kurang memahami ajaran agama Islam sepenuhnya oleh kerana itu, PDI melalui Bahagian Dakwah di setiap daerah menganjurkan Kursus Skim Bimbingan Asas bagi saudara-saudara baharu.

Kursus yang diselenggarakan di setiap daerah itu bagi membantu saudara-saudara baharu agar lebih memahami dan mempelajari ajaran asas agama Islam, di samping mengukuhkan pegangan mereka terhadap agama Islam yang mereka baru anuti serta membantu mereka menghayati dan mengamalkan ajaran Islam dengan menjalani latihan praktikal dalam amal ibadat dan membiasakan mereka dengan kehidupan cara Islam.

Kursus diharap dapat dimanfaatkan oleh saudara baharu dan mengamalkan ilmu yang dipelajari, di samping memberikan mereka peluang menambah pengetahuan agama dari semasa ke semasa, dan menjadi seorang saudara baharu yang dicontohi oleh saudara baharu yang lain.

Pendedahan melalui skim bimbingan tersebut juga merupakan salah satu usaha bagi melahirkan saudara baharu yang berkualiti yang tidak ketinggalan dan peka kepada ilmu-ilmu pengetahuan yang menjurus ke arah memantapkan akidah mengikut syariat Islam yang ditentukan.

Melalui wang zakat, MUIB dan PDI menyalurkan pelbagai bantuan kepada



AWANG Muhammad Nurhamdi bin Jali, 20 tahun, semasa melafazkan ikrar dua kalimah syahadah di hadapan pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

golongan saudara baharu meliputi bantuan pembinaan dan membaik pulih rumah.

Pelbagai pihak seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) juga turut memberi perhatian terhadap saudara-saudara baharu terutama mereka yang kurang berkemampuan untuk memperbaiki atau membina rumah yang lebih selesa.

Di samping bantuan perumahan,

bantuan ekonomi juga diberikan bagi tujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka yang memeluk agama Islam dan bentuk bantuan yang diberikan seperti bantuan bulannn makanan asasi dan bantuan sara diri dengan memberikan peralatan yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing supaya mereka berusaha sendiri dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak kerajaan semata-mata.



MAJLIS Pengislaman bagi Hamdi anak Jali yang kini dikenali dengan nama Awang Muhammad Nurhamdi berlangsung di kediaman Awang Masdi bin Haji Tuah di Jalan Binglu Selatan, Rancangan Perumahan Negara Tanah Jambu.

Perjumpaan suku ketiga tahun Pengawasan Kejiranan Daerah Temburong



PERJUMPAAN suku ketiga tahun bagi tahun 2015 bersama Pegawai Daerah Temburong dan Penasihat-penasihat Pengawasan Kejiranan berlangsung di Dewan Muafakat, Pejabat Daerah Temburong.

TEMBURONG. - Daerah Polis Temburong telah mengadakan perjumpaan suku ketiga tahun bagi tahun 2015 bersama Pegawai Daerah Temburong dan Penasihat-Penasihat Pengawasan Kejiranan yang

terdiri daripada penghulu-penghulu mukim pada hari Khamis, 15 Oktober yang baru lalu di Dewan Muafakat, Pejabat Daerah Temburong. Perjumpaan tersebut dihadiri

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud, selaku wakil peribadi Pegawai Daerah Temburong. Turut hadir ialah Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dan Pemangku Ketua Unit Perhubungan Awam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Penolong Penguasa Polis Awang Haji Mohamad

Noor bin Haji Abd. Rahman serta pegawai-pegawai dari Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Pejabat Daerah Temburong.

Perjumpaan dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Penguasa Polis Mohammad Azrie bin Haji Talip.

Jemputan yang hadir juga mendengar taklimat yang disampaikan oleh Penolong Penguasa Polis Pengiran Anak Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Ismail Al-Haj berkenaan perkembangan terkini Pengawasan Kejiranan di Daerah Temburong.

Turut sama dikongsikan dalam taklimat yang sama adalah perangkaan kes jenayah dan lalu lintas sepanjang suku ketiga tahun 2015 dan amaran jenayah serta aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Pengawasan Kejiranan bersama PDB melalui Balai Polis Bangar, Daerah Polis Temburong.

Perjumpaan itu juga memberi kesempatan dalam berkongsi pandangan dan menjawab dan menjelaskan persoalan-persoalan yang diajukan oleh jemputan yang hadir.

KUPU SB teruskan siri Kursus Intensif Kepimpinan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan ceramah khasnya.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) meneruskan lagi siri Kursus Intensif Kepimpinan Pentadbiran KUPU SB 1437 Hijrah / 2015 Masihi yang diadakan di Bilik Taqwa, kolej berkenaan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman kemudiannya telah menyampaikan Ceramah Khas yang bertajuk 'Peranan Pemimpin Pengajian Tinggi Islam di Brunei : Keperluan dan Cabaran'.

Antara tujuan kursus seumpamanya

diadakan adalah bagi melahirkan kader yang boleh dijadikan pemimpin universiti bagi memenuhi keperluan dengan pendalaman ilmu, pemantapan sahsiah dan peningkatan kemahiran dalam kepimpinan, pentadbiran dan pengurusan.

Walau bagaimanapun, matlamat dari kursus ini diharap dapat dicapai melalui pendedahan terhadap pengalaman sebenar dalam kepimpinan universiti dalam dan luar; perbincangan mengenai falsafah, wawasan, hala tuju dan risalah universiti dan fakulti / pusat; penilaian program-program yang ditawarkan dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan; dan perancangan

peningkatan mutu pentadbiran dan pengurusan universiti.

Kursus Intensif Kepimpinan Pentadbiran KUPU SB ini adalah merupakan kesinambungan dari dua kursus intensif serupa yang pernah diadakan pada tahun ini.

Pada siri pertama Ceramah Khas telah disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned mengenai 'Nasihat Kepimpinan' pada Kursus Intensif Kepimpinan Pentadbiran KUPU SB dan pada siri kedua, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyampaikan Ceramah Khasnya bertajuk 'Cabaran dan Peranan Pemimpin Universiti dalam Memenuhi Keperluan Negara'.

Tingkatkan kualiti kepimpinan IPT Islam



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman semasa hadir pada Kursus Intensif Kepimpinan Pentadbiran KUPU SB Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi yang diadakan di Bilik Taqwa, kolej berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Sebagai pemimpin di dalam sebuah institusi yang berperanan besar seperti Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), adalah perlu memahami dengan mendalam beberapa perkara atau *tips* agar dapat membantu meningkatkan kualiti sebagai pemimpin harapan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam pada masa hadapan.

Antara perkara tersebut ialah visi, misi, objektif dan matlamat IPT Islam yang mereka pimpin dan berjuang ke arah menjayakannya serta kementerian yang menaungi organisasi mereka; Mengetahui konsep MIB, konsep Negara Zikir dan Wawasan Negara 2035; Mengetahui kedudukan Islam dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam; Meneliti titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepanjang baginda memerintah negara, yang lama dan terbaru, di samping memahami Adat Istiadat Melayu Brunei, Adat Istiadat Diraja Brunei.

Selain itu, para pemimpin juga perlu memahami akidah Ahli Sunnah Waljamaah, dan memahami prinsip-prinsip dalam Mazhab Al-Shafie; memahami dan melaksanakan peraturan-peraturan dan disiplin bagi pelajar; Memahami ciri-ciri universiti yang mereka pimpin; Memantau hal-hal akademik, kurikulum, kualiti tenaga pengajar, pelajar dan tenaga pengurusan; Memantau prasarana institusi, kuliah, asrama, persekitaran universiti, keterampilan universiti; Memberi penghargaan kepada guru-guru cemerlang; Memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan sebagainya.

Perkara ini ditegaskan oleh Menteri

Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman pada siri Kursus Intensif Kepimpinan Pentadbiran KUPU SB Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi yang diadakan di Bilik Taqwa, kolej berkenaan, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam Ceramah Khasnya bertajuk 'Peranan Pemimpin Pengajian Tinggi Islam di Brunei : Keperluan dan Cabaran' menjelaskan, beberapa perkara mengenai sejarah dan latar belakang perjuangan untuk menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam, yang mana telah berlaku pada akhir tahun 1980-an iaitu apabila tertubuhnya Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam pertama pada tahun 1989.

Apa yang terlaksana setelah 10 tahun hayatnya, Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam telah dicantumkan dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1999, dengan nama barunya Institut Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin (IPIISOAS) UBD dan institut bekenaan telah mampu mengeluarkan ijazah peringkat Sarjana Muda dan Sarjana pada masa itu dan Yang Berhormat pula telah dilantik menjadi Dekan Pertama bagi institut berkenaan.

Namun terang Yang Berhormat lagi, cita-cita untuk menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi Islam yang bernama 'universiti Islam' tetap membara, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sendiri telah bertitah beberapa kali mengenai peri pentingnya penubuhan sebuah

universiti Islam tulen yang akan menjadi mercu tanda kepada Negara Brunei Darussalam.

Ini perlu kerana Brunei adalah sebuah negara Islam yang telah meletakkan di dalam perlembagaannya kedudukan Islam sebagai agama rasmi, menurut fahaman Ahli Sunnah Waljamaah.

Pada tahun 2005, Yang Berhormat telah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi Timbalan Menteri Pendidikan dan di samping tugas tersebut, tidak lama kemudian Yang Berhormat diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pandu bagi penubuhan sebuah universiti Islam.

Memahami hasrat Kebawah DYMM bagi penubuhan sebuah universiti Islam itu ujar Yang Berhormat lagi, Jawatankuasa Pandu telah memikirkan supaya IPIISOAS itu dijadikan asas bagi universiti Islam yang dimaksudkan.

Dalam pada itu, pandangan dan nasihat dari seorang cendekiawan dan pakar pengajian Islam juga telah didapatkan iaitu Rektor Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia, Tan Sri Profesor Dr. Kamal Hassan.

Dalam tempoh kira-kira satu tahun, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan dengan penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan perkara tersebut telah diisytiharkan baginda dalam titah perutusan Hari Raya Aidiladha Tahun 1427H / 2007M, dan tidak lama kemudian iaitu sempena Sambutan Awal Muharram 1428, sebuah lagi pusat pengajian tinggi Islam muncul

dengan nama KUPU SB yang merupakan penaikan taraf dari institusi pendidikan agama yang sebelumnya dikenali sebagai Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Jelas Yang Berhormat lagi, ini adalah anugerah Allah yang sangat bermakna kepada umat Islam dan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam dan perkara tersebut ditimbulkan oleh Yang Berhormat bertujuan untuk memberikan kesedaran dalam menghargai kedua-dua buah pusat pengajian tinggi Islam ini, kerana kedua-duanya bukan muncul dengan tiba-tiba tetapi telah melalui perjuangan yang agak panjang.

Institut Pengajian Islam sejak ia mula ditubuhkan pada tahun 1989 sehingga 2007 mengambil masa 18 tahun, sementara Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sejak ia beroperasi pada tahun 1972 hingga 2007 mengambil masa 35 tahun. Setelah wujud kedua-duanya atas nama universiti dan universiti kolej, adalah menjadi kewajipan kita semua untuk mengukuhkan, meningkatkan kualitinya sehingga dapat menjadi sandaran dan rujukan agama, berwibawa, disegani dan dihormati di rantau ini malah di arena antarabangsa.

Pada siri ceramah tersebut, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga turut menyentuh mengenai amanah sebagai pemimpin. Sebagai sebuah insititusi yang melahirkan para cendekiawan Islam dan ulama, maka para pemimpin yang dilantik dan diamanahkan adalah termasuk pewaris Nabi-Nabi sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud: "Para ulama itu adalah pewaris Nabi."

Oleh itu, empat ciri asas yang unggul

sifat-sifat Nabi perlu ada pada setiap pemimpin iaitu Siddiq (benar), Amanah (menunaikan janji), Tabligh (menyampaikan), dan Fatanah (bijaksana) yang mana kesemua sifat-sifat ini perlu dihayati dan diamalkan sepanjang masa, sebaliknya pula menjauhi sifat-sifat buruk lawan kepada empat sifat tadi yang tidak dimiliki oleh para Nabi iaitu Kazib (berbohong), Khianah (menipu atau menyalahi perjanjian), Kithman (menyembunyikan), dan Baladah (bodoh).

Yang Berhormat juga turut menerangkan erti dan ciri-ciri sifat-sifat unggul tersebut iaitu Siddiq (benar) bermakna tindak-tanduk para pemimpin perlulah benar, percakapan adalah benar, ilmu yang disampaikan adalah benar, dan peraturan yang dilaksanakan adalah benar, sementara Amanah bererti menunaikan janji, memelihara kepercayaan yang diberikan, tidak pecah amanah, serta jujur dan tulus ikhlas dalam menunaikan kewajipan yang dipikulkan.

Tambah Yang Berhormat, Tabligh (menyampaikan) pula bermaksud menyampaikan ilmu dengan baik, tidak menyembunyikan ilmu agama yang diketahuinya, menyampaikan arahan-arahan dari pihak atasan dengan lengkap dan segera dan menyampaikan pesanan-pesanan atau wasiat dengan sempurna.

Fatanah (bijaksana) jelasnya, bermaksud bijaksana mengendalikan institusi di bawah kepimpinannya, selalu proaktif, selalu berbincang dengan rakan-rakan, selalu bertanya dalam hal perkara yang ia kurang tahu, tidak mudah cemas serta tidak terburu-buru mengambil tindakan dan bersifat tenang.

Sifat-sifat dasar ini tegas Yang Berhormat, perlu ada pada setiap pemimpin apatah lagi pemimpin dalam hal keugamaan dan untuk menjadi seorang pemimpin contoh pada pemerhatian Yang Berhormat, masyarakat bukan sahaja akan melihat biskita (para pemimpin) sebagai individu, tetapi juga akan melihat sebagai institusi.

Oleh yang demikian jelas Yang Berhormat, segala gerak laku mereka ini akan diperhatikan, adakah mereka iltizam kepada ajaran Islam seperti sembahyang adakah ditunaikan semasa berada di mana-mana jua?, adakah mereka mengamalkan cara budaya MIB?, cara pergaulan dalam masyarakat, cara berpakaian, bersongkok atau tutup kepala, tutur kata, berbahasa, beradab, bersopan santun dan sebagainya? Semuanya akan menjadi contoh dan ikutan masyarakat, anak-anak murid dan para pelajar yang mereka didik.

Membaca surah selepas Surah Al Faatihah : Adakah makmum dituntut membacanya?

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Hukum Membaca Surah Selepas Surah Al Faatihah Dalam Sembahyang

MEMBACA surah selepas Surah Al Faatihah dalam sembahyang merupakan sunat *hai'at* yang disunatkan sebagai *ittiba'* (mengikut) perbuatan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Bahkan menurut kebanyakan ulama dalam mazhab asy-Syafi'e, meninggalkan membaca surah selepas Surah Al Faatihah adalah makruh.

Maka adalah sunat membaca surah selepas Surah Al Faatihah bagi imam dan *munfarid* (orang yang bersembahyang seorang diri), sama ada dalam sembahyang *jahr*, iaitu sembahyang yang dinyaringkan bacaan atau sembahyang *sirr*, iaitu sembahyang yang diperlahankan bacaan.

Oleh yang demikian, sunat hukumnya membaca surah selepas Surah Al Faatihah dalam sembahyang dua rakaat, sama ada sembahyang fardhu seperti Sembahyang Jumaat dan Sembahyang Fardhu Subuh atau sembahyang sunat seperti Sembahyang Sunat Subuh, Sembahyang Sunat Hari Raya dan lainnya.

Begitu juga disunatkan membaca surah selepas Surah Al Faatihah pada dua rakaat yang pertama daripada sembahyang empat rakaat, iaitu Sembahyang Fardhu Zuhur, Asar dan Isyak serta pada dua rakaat yang pertama daripada sembahyang tiga rakaat, iaitu Sembahyang Fardhu Maghrib.

Adapun dalam Sembahyang Jenazah pula, maka tidak disunatkan untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah bahkan hukumnya adalah makruh.

Disyaratkan bahawa surah tersebut hendaklah dibaca selepas Surah Al Faatihah. Sekiranya ia dibaca sebelum Surah Al Faatihah maka hukumnya adalah makruh serta bacaan tersebut tidak dikira kerana ia bertentangan dengan sunnah. Oleh itu, hendaklah dia mengulang kembali bacaan surah tersebut selepas dia selesai membaca Surah Al Faatihah.

Kadar Yang Memadai Bagi Bacaan Surah Selepas Surah Al Faatihah Dalam Sembahyang

Tuntutan sunat membaca sesuatu ayat atau surah daripada Al-Qur'an selepas Surah Al Faatihah itu dapat dicapai dengan hanya membaca satu ayat sahaja daripada Al-Qur'an. Bagaimanapun, yang afdhalnya adalah sebanyak tiga ayat.

Akan tetapi satu surah yang lengkap, sekalipun surah yang pendek, adalah lebih afdhal dibaca daripada membaca sebahagian ayat sahaja daripada surah yang panjang (jika tidak dibaca keseluruhannya). Ini kerana apabila dibaca sebahagian ayat sahaja dari surah yang panjang,

"DAN apabila Al-Qur'an itu dibacakan, maka dengarkanlah ia (dengan teliti) serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat."

DALAM Sembahyang Fardhu Maghrib pula, sekiranya seorang makmum baru mengikuti jemaah sedangkan imam sudah berada pada rakaat ketiga, lalu dia tidak dapat membaca surah selepas Surah Al Faatihah dalam rakaat yang dikerjakannya bersama imam itu (rakaat pertama bagi makmum masbuq dan rakaat terakhir bagi imam), kemudian selepas imam memberi salam, dia tidak juga membaca surah selepas Surah Al Faatihah pada rakaat kedua yang dikerjakannya secara bersendirian, maka menurut Imam as-Sayyid al-Bakri Rahimahullah, sunat dia membaca dua surah pada rakaat ketiga yang dikerjakannya sebagai ganti bacaan surah yang tidak dibacanya pada rakaat yang pertama dan kedua.

boleh jadi dia *waqaf* (memberhentikan) di tempat yang tidak diharuskan *waqaf*, dan ini boleh memutuskan ayat Al-Qur'an yang mempunyai kaitan dengan ayat yang selepasnya.

Sekiranya seseorang membaca satu surah yang sama pada rakaat pertama dan rakaat kedua, misalnya pada rakaat pertama dia membaca Surah Adh Dhuha, kemudian pada rakaat kedua dia mengulang kembali Surah Adh Dhuha itu, maka yang demikian itu adalah memadai dan tercapai tuntutan sunat itu walaupun dia hafaz surah-surah yang lain.

Adapun membaca Surah Al Faatihah bagi menggantikan surah-surah tersebut menurut ulama adalah tidak memadai dan tidak terhasil tuntutan sunat tersebut.

Dikecualikan dalam hal ini sekiranya orang tersebut tidak hafaz selain daripada Surah Al Faatihah. Maka dalam hal ini, tuntutan sunat tersebut terhasil dan tercapai dengan mengulang Surah Al Faatihah itu sebagai ganti surah-surah tersebut. Inilah pendapat yang tepat dan dipilih dalam mazhab asy-Syafi'e.

Tuntutan Membaca Surah Selepas Surah Al Faatihah Bagi Makmum

Tuntutan untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah ke atas makmum berbeza dalam sembahyang *jahr*, iaitu sembahyang yang dinyaringkan bacaan dengan sembahyang *sirr*, iaitu sembahyang yang diperlahankan bacaan. Begitu juga terdapat beza hukum dalam permasalahan ini bagi makmum yang *masbuq*. Penjelasanannya adalah seperti berikut :

(1) Dalam Sembahyang *Jahr*

(i) Makmum dapat mendengar bacaan imam.

Tidak disunatkan ke atas makmum untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah dalam sembahyang *jahr* jika makmum itu dapat mendengar bacaan imam. Bahkan makmum dituntut dan disunatkan untuk mendengar bacaan imam. Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Aa'raf ayat 204 :

Tafsirnya : "Dan apabila Al-Qur'an itu dibacakan, maka dengarkanlah ia (dengan teliti) serta diamlah supaya kamu beroleh rahmat."

(Surah Al-A'raf : 204)

Jika dia membaca juga maka ini tidaklah membatalkan sembahyang akan tetapi hukumnya

adalah makruh.

Walau bagaimanapun, membaca surah selepas Surah Al Faatihah dalam sembahyang *jahr* yang bacaan imamnya dapat didengar oleh makmum boleh menjadi haram ke atas makmum sekiranya bacaan makmum itu boleh mengganggu jemaah lain.

(ii) Makmum tidak dapat mendengar bacaan imam.

Sekiranya makmum tidak dapat mendengar bacaan imam dalam sembahyang *jahr*, misalnya kerana jauh daripada imam, ataupun imam memperlakukan bacaannya dalam sembahyang *jahr* itu, atau makmum tidak dapat mendengar bacaan imam dengan jelas (sehingga tidak dapat membezakan antara huruf-hurufnya), ataupun makmum tidak dapat mendengar bacaan imam dengan baik kerana masalah pendengaran, maka dalam hal ini dituntut ke atas makmum untuk membacanya. Bagaimanapun, hendaklah makmum tersebut membaca secara *sirr* sahaja kerana makmum ditegah daripada membaca secara *jahr* di belakang imamnya.

(2) Sembahyang *sirr*


Adapun dalam sembahyang *sirr* pula, maka makmum dituntut untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah kerana dalam sembahyang *sirr* makmum tidak dapat mendengar bacaan imam.

Walau bagaimanapun, sekiranya imam membaca secara *jahr* dalam sembahyang yang sepatutnya dibaca secara *sirr*, contohnya imam membaca secara *jahr* dalam Sembahyang Fardhu Zuhur, maka dalam hal ini makmum tidak disunatkan untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah, bahkan makmum dituntut untuk mendengar bacaan imam sepertimana dalam keadaan sembahyang *jahr*.

(3) Bacaan Surah Selepas Surah Al Faatihah Bagi Makmum Yang *Masbuq*

(i) Makmum yang tidak sempat mengerjakan rakaat pertama dan rakaat kedua bersama imam dalam Sembahyang Fardhu Zuhur atau Isyak misalnya, adalah disunatkan untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah pada rakaat terawal yang didapatinya bersama imam.

Sebagai contoh, seorang makmum baru mengikuti jemaah sedangkan imam sudah berada pada rakaat ketiga dalam Sembahyang Fardhu Zuhur atau Isyak. Maka dalam hal ini, sunat



makmum yang *masbuq* itu membaca surah selepas Surah Al Faatihah pada rakaat yang pertama dan kedua yang dikerjakannya bersama imam (rakaat ketiga dan keempat bagi imam). Perkara ini boleh dilakukan jika makmum yang *masbuq* itu berkesempatan membacanya pada rakaat tersebut.

Sekiranya dia tidak ada kesempatan untuk membacanya, maka dia boleh menqadha bacaan surah selepas Surah Al Faatihah itu secara *sirr* pada baki rakaat yang ada selepas imam memberi salam (rakaat ketiga dan rakaat keempat bagi makmum *masbuq*). Ini bagi menjaga serta memastikan sembahyangnya itu tidak kosong daripada surah tanpa sebarang keuzuran.

(ii) Dalam Sembahyang Fardhu Maghrib pula, sekiranya seorang makmum baru mengikuti jemaah sedangkan imam sudah berada pada rakaat ketiga, lalu dia tidak dapat membaca surah selepas Surah Al Faatihah dalam rakaat yang dikerjakannya bersama imam itu (rakaat pertama bagi makmum *masbuq* dan rakaat terakhir bagi imam), kemudian selepas imam memberi salam, dia tidak juga membaca surah selepas Surah Al Faatihah pada rakaat kedua yang dikerjakannya secara bersendirian, maka menurut Imam as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah*, sunat dia membaca dua surah pada rakaat ketiga yang dikerjakannya sebagai ganti bacaan surah yang tidak dibacanya pada rakaat yang pertama dan kedua.

(iii) Sekiranya makmum yang *masbuq* itu mendapati imam dalam keadaan dia tidak sempat membaca Surah Al Faatihah, contohnya dia mula mengikuti imam semasa imam sedang rukuk pada mana-mana rakaat sembahyang, maka dengan sendirinya bacaan surah selepas Surah Al Faatihah juga terlepas daripada tanggungan makmum sepertimana halnya bacaan Surah Al Faatihah terlepas daripada tanggungan makmum dan ditanggung oleh imam. Maka dari itu, dia tidak lagi dituntut untuk membaca surah selepas Surah Al Faatihah bagi rakaat tersebut dan dia tidak perlu menqadhnya pada rakaat yang lain.

Demikian beberapa penjelasan tentang hukum membaca surah selepas Surah Al Faatihah bagi makmum. Semoga ia akan menambahkan lagi ilmu kita mengenai ibadat sembahyang agar kita dapat menunaikan segala tuntutannya, sama ada yang wajib ataupun yang sunat dengan sempurna sepertimana yang dituntut oleh syarak.

JOTA dan JOTI hubungkan pengakap ke seluruh dunia



Oleh : Hamdanajib Haji Domeng
Foto : PPNBD

antara satu sama lain dengan ahli-ahli pengakap di seluruh dunia dengan menggunakan peralatan radio amatur yang berfrekuensi tinggi, iaitu 'High Frequency' (HF) dan 'Very High Frequency' (VHF) serta melalui talian sembang di Internet atas talian yang telah dikhaskan untuk kegiatan itu serta berjaya membuat sidang video melalui talian Skype.

Tahun ini, Kelab Radio Amatur PPNBD telah membuka dua stesen radio amatur untuk ahli-ahli pengakap mengikuti kegiatan berkenaan, iaitu bertempat di Tingkat 4, Ruang Legar Ibu Pejabat PPNBD, Jalan Gadong dengan menggunakan tanda panggilan V84CBS dan di stesen di Daerah Tutong bertempat di Ibu Pejabat Persatuan Pengakap Daerah Tutong di P. W. D., No. 46, Simpang 87, Jalan Bukit Bendera dengan menggunakan

tanda panggilan V84CDT.

Ahli-ahli pengakap di negara ini telah berjaya membuat perhubungan melalui radio amatur kepada lebih 50 buah negara manakala melalui hubungan talian jaringan jalur lebar menggunakan Skype dan Facebook pula hampir 60 buah negara telah dapat dihubungi.

Melalui kegiatan seumpama tersebut ahli-ahli pengakap berpeluang dan lebih berkeyakinan untuk berhubung dengan rakan-rakan pengakap yang tidak dikenali yang berada beribu kilometer dari negara ini serta dapat mengetahui betapa pentingnya peranan peralatan komunikasi boleh mempengaruhi kehidupan masa kini dalam arus pemodenan teknologi yang serba maju dan canggih.

YANG Dipertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas (kiri sekali) turut berhubung melalui talian jalur lebar Skype bersama Ketua Pesuruhjaya Pengakap Persekutuan Pengakap Malaysia, Dato' Dr. Mohamad Sharum bin Osman di Semenyih Resort, Negeri Selangor.

GADONG, Ahad, 18 Oktober. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Kelab Radio Amatur PPNBD sekali lagi bersama berjuta ahli pengakap di seluruh dunia menyertai Jambori Pengakap yang terbesar di peringkat dunia.

Penyertaan berkenaan adalah di dalam Jambori di Udara Ke 58 (58th Jamboree on The Air) dan Jambori di Internet Ke-19 atau lebih dikenali dengan nama JOTA dan JOTI.

Lebih 200 ahli pengakap terdiri daripada ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana, Pengakap Udara, Pengakap Laut dan Pemimpin-pemimpin Pasukan Pengakap telah menyertai aktiviti yang diadakan selama dua hari yang bermula pada 17 hingga 18 Oktober 2015 dengan

bertemakan 'Dunia Ini Milik Kita'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Turut hadir ialah Pemangku Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Haji A. Hapidz; Setiausaha Agung Pengakap, Awang Haji Zainuddin bin Haji Jaafar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Pegawai Eksekutif Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pengakap dan Penolong-penolong Pemimpin Pengakap serta ahli-ahli pengakap.

Tetamu kehormat juga berkesempatan untuk 'QSO' dengan berhubung melalui talian jalur lebar Skype secara serentak persidangan video dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Persekutuan Pengakap

Malaysia, Dato' Dr. Mohamad Sharum bin Osman di Semenyih Resort, Negeri Selangor dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Sarawak, Sudaryo bin Haji Osman di Bandaraya Kuching, Negeri Sarawak, Malaysia.

Serta ahli-ahli pengakap berpeluang membuat sidang video secara langsung dengan rakan-rakan pengakap di Semenyih Resort, Negeri Selangor, Daerah Kuching, Negeri Sarawak, Daerah Telipud dan Tonggong, Negeri Sabah, Taiwan dan Bangladesh.

Seterusnya tetamu kehormat dibawa menyaksikan pameran lencana JOTA dan JOTI mengenai jambori yang turut dipamerkan.

Kegiatan JOTA dan JOTI dijalankan pada setiap minggu ketiga pada bulan Oktober setiap tahun, keunikannya adalah setiap ahli pengakap yang menyertainya dapat berhubung di



PEMIMPIN Pasukan Pengakap Tunas membuat panggilan menggunakan radio amatur.

Eratkan hubungan kerajaan dan masyarakat

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

KAMPUNG TUNGKU, Sabtu, 17 Oktober. - Sebagai langkah untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dan masyarakat di negara ini khususnya melalui institusi penghulu dan ketua kampung, Jabatan Penerangan meneruskan Program Sua Muka atau 'Personal Contact'.

Kunjungan pada kali ini diteruskan ke kediaman rumah Ketua Kampung Katok, Tungku, Awang Haji Ismail bin Haji Rajab, di sini.

Menerusi kunjungan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Salleh bin Haji Yusoff tersebut secara langsung dapat membarigakan program berkenaan selain bertukar-tukar pengetahuan dan maklumat seperti isu-isu semasa dan dasar kerajaan yang perlu untuk dikongsikan bersama.

Dalam pada itu, program ini juga secara langsung dapat mengukuhkan kesedaran sivik masyarakat agar menjurus ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara selaras

dengan aspirasi kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam selain untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Semasa perjumpaan itu, Awang Haji Ismail turut mengongsikan pengalamannya sebagai seorang ketua kampung, di samping menyampaikan rancangan-rancangan serta kegiatan kampung sehingga yang menjurus kepada kegiatan program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Dengan adanya program sebegini, ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat-rakyat dengan kerajaan.

Program yang dikendali oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan ini adalah menjurus kepada fungsi Jabatan Penerangan, selaku lidah, mata dan telinga kerajaan.



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Ketua Kampung Katok, Tungku, Awang Haji Ismail bin Haji Rajab.

140 pelajar terima sijil tamat program latihan



NAIB Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Professor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program latihan (atas, tengah dan bawah).



Oleh : Mariani Haji Abd Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Sabtu, 17 Oktober. - Lebih 140 pelajar dari Tahun 3 dan Tahun 4 dari Fakulti Kejuruteraan, Institut Teknologi Brunei (ITB) School of Business dan School of Computing & Informatics yang mengikuti Program Latihan AMEC Foster Wheeler menerima sijil mereka selepas menamatkan program di Dewan Kuliah 2 Fasa 3, ITB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para pelajar ialah Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Dalam ucapan penutup Pensyarah Fakulti Kejuruteraan ITB, Dr. Haji Faqir Gul menyatakan, program tersebut menyediakan pelajar dengan contoh-contoh kehidupan sebenar dan aplikasi teori yang mereka belajar di

dalam kelas.

Terangnya, ia juga membolehkan para pelajar belajar mengenai amalan industri kontemporari dan membimbing mereka pada pilihan kerjaya dan peluang yang ada untuk mereka dalam industri minyak dan gas ini.

Program Latihan AMEC Foster Wheeler ITB ini dikendalikan oleh pakar dalam industri dan memfokuskan kepada industri minyak dan gas.

Pogram ini mempunyai enam modul khas yang dijalankan dalam dua blok iaitu 'Engineering', 'Project Finance', 'Procurement & Contracting', 'Project Control', 'Quality Assurance & Control' dan 'Project Management'.

Selain itu, program latihan ini juga memfokuskan kepada salah satu

kerjasama aktiviti dalam Memorandum Persefahaman yang ditandatangani antara ITB dan Foster Wheeler pada November 2013 dengan matlamat yang lebih luas untuk menyokong pembangunan bakat tempatan dalam Industri Minyak dan Gas dan juga menarik serta melengkapkan graduan peluang pekerjaan dalam industri.

ITB telah mewujudkan hubungan rapat dengan industri tempatan dan pihak-pihak berkepentingan antarabangsa, di samping mengukuhkan hubungan yang berterusan serta memastikan program sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan masa depan industri.

Turut hadir ialah Pengarah Perhubungan Awam dan Pengurus Pembangunan Perniagaan, AMEC Foster Wheeler Asia Pacific, Mr. Ravish Maqsood; pegawai-pegawai kanan dan pensyarah-pensyarah ITB, fasilitator program latihan dan peserta-peserta.



NAIB Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Professor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman ketika hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Sijil Program Latihan AMEC Foster Wheeler ITB.

ITB, KUPU SB johan Pertandingan Hadrah IPT

Oleh : Nurul Nadzirah Haji Mahadin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Oktober. - Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) munculkan johan bagi Kategori Lelaki dan Perempuan pada Pertandingan Hadrah Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2015 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakillah Hayyatul Bolkiah, Berakas, di sini.

Naib johan lelaki dan perempuan pula masing-masing disandang oleh

KUPU SB dan Universiti Islam Sultan Sharif 'Ali (UNISSA), sementara tempat ketiga bagi kedua-dua kategori tersebut diraih oleh UNISSA dan ITB.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Naib Canselor ITB, Profesor Dr. Nawaf Saeid.

Pemenang johan lelaki dan perempuan menerima wang tunai sebanyak BND300 berserta trofi

kejohanan, manakala naib johan dan tempat ketiga masing-masing menerima wang tunai sebanyak BND200 dan BND100 berserta trofi.

Pertandingan disertai oleh sembilan kumpulan yang mewakili Kumpulan Muslimin dan Muslimah dari ITB, Universiti Brunei Darussalam (UBD), KUPU SB, UNISSA dan Kumpulan Muslimin Politeknik Brunei.

Ia bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara mahasiswa-mahasiswi dari pelbagai IPT, mencungkil bakat para peserta hadrah, memajukan Exco Keugamaan dan Kerohanian ITB, mengekalkan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun,



TIMBALAN Naib Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Professor Dr. Nawaf Saeid hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan.



SEBAHAGIAN daripada kumpulan yang menyertai Pertandingan Hadrah Antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2015.

di samping membentuk para peserta yang berdisiplin dengan kegigihan serta keyakinan kepada diri sendiri.

Sebelumnya, hadrah atau tar merupakan sejenis alat muzik tradisional yang popular bagi masyarakat Melayu yang diperbuat

daripada kayu, kulit kambing dan kepingan logam yang nipis. Ia dimainkan untuk memeriahkan suasana majlis-majlis keraian seperti perkahwinan dan mengalu-alukan kedatangan orang-orang kenamaan di suatu majlis.



SALAH sebuah kumpulan dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) memperdengarkan pukulan hadrah mereka pada pertandingan tersebut.

Mesyuarat AIUA bincang Pelan Strategik

Oleh :
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto :
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menambah kemeriahan dan catatan sejarah bagi Hafl Al-Takharuj Ke-5 dengan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Persatuan Universiti-Universiti Islam Asia (AIUA) Kali Ke-2 yang berlangsung di Hotel Centrepont, Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Haji Norarfan antara lain menyatakan, signifikan mesyuarat tersebut adalah sebagai medan pertemuan pemimpin-pemimpin universiti Islam yang memberi ruang untuk sama-sama melontar pandangan, bertukar pendapat, bercambah fikiran, membina jaringan dan sekali gus bekerjasama lebih rapat dalam berbagai hala.

Mesyuarat serantau yang julung-julung kalinya diselenggarakan oleh UNISSA itu merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan buat UNISSA dari institusi pengajian tinggi Islam di rantau ini yang jauh lebih berpengalaman.

Persatuan Universiti-Universiti Islam Asian tertubuh pada Persidangan Meja Bulat Rektor-Rektor Institut Pengajian Tinggi Islam Malaysia yang berlangsung di Pekanbaru, Riau, Indonesia, April lalu.

Penubuhannya juga menunjukkan institusi pengajian tinggi Islam di rantau Asia bersatu padu dalam sama-sama mengangkat mercu keilmuan dengan kerjasama strategik dalam pelbagai hala.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri) hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan alu-aluan pada majlis tersebut.

Ia juga menyasarkan beberapa objektif antaranya sebagai platform untuk membangun rangka kerja bagi kerjasama di peringkat Asia yang merangkumi keutamaan-keutamaan seperti mempromosi pengajian Tinggi Islam dengan mempertingkatkan daya saing untuk menjadi lebih kompetitif di arena antarabangsa,

memperkuh kerjasama yang berdasarkan kepada perkongsian dan mempertingkatkan pengiktirafan kelayakan.

Seterusnya, persatuan itu berusaha untuk meneroka dan mengenal pasti bidang-bidang untuk berkolaborasi sesama ahli seperti pertukaran pensyarah dan pelajar,

mengembangkan kurikulum dan pemindahan kredit, perkongsian kemudahan, maklumat dan bahan-bahan, kerjasama dalam projek penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan menganjurkan persidangan dan aktiviti peringkat global secara usahasama.

Dalam pada itu, melalui persatuan berkenaan inovasi dan kerjasama dalam pengajian akan dapat dilaksanakan, selain mencipta peluang bagi perkembangan peribadi, pembangunan kerjasama antarabangsa di antara institusi-institusi, mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi Islam dan penyelidikan.

Mesyuarat AIUA Kali Ke-2 dihadiri oleh 22 buah pusat pengajian tinggi Islam, kehadiran yang sungguh menggalakkan tersebut merupakan petanda baik bagi persatuan itu meskipun baru berusia enam bulan.

Justeru, adalah suatu kelebihan pula apabila mereka berkesempatan hadir dan memeriahkan Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-5 UNISSA.

Selain membincangkan mengenai panduan Pelan Strategik persatuan mesyuarat kali ini menjadi lebih bermakna dengan pelancaran *website* AIUA (www.aiua.asia) dan pelancaran *Journal of Asian Islamic Higher Institutions* www.aiua.asia/journal.



ANTARA persatu-persatuan universiti Islam yang menyertai Mesyuarat Persatuan Universiti-Universiti Islam Asia (AIUA) Kali Ke-2.



SUASANA Mesyuarat AIUA Kali Ke-2 yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin universiti Islam yang berlangsung di Hotel Centrepont, Gadong.



PEMANGKU Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Rani bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berucap pada Majlis Jerayawara Pembarigaan Undang-Undang Perburuhan Negara Brunei Darussalam di Dewan Tripartite, Jabatan Buruh.

Oleh : Nurul Nadzirah Haji Mahadin

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Para majikan, pengurus dan penyelia hendaklah memberikan keutamaan dari segi keselamatan di tempat kerja, kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan para pekerja dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, selamat, harmoni dan serta produktif.

Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Rani bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menekankan pada Majlis Jerayawara Pembarigaan Undang-Undang Perburuhan Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Tripartite, Jabatan Buruh, di sini.

Awang Haji Rani menekankan, betapa pentingnya setiap majikan untuk menyediakan kontrak perkhidmatan yang mana melalui pemeriksaan-pemeriksaan Jabatan Buruh sering mendapati perusahaan dan perniagaan yang gagal untuk

Majikan perlu beri keutamaan kesejahteraan pekerja



PEMANGKU Pesuruhjaya Buruh dan para pegawai kanan Jabatan Buruh ketika menyampaikan taklimat.

menyediakan kontrak perkhidmatan khususnya bagi pekerja-pekerja tempatan di negara ini.

Jerayawara juga diselitkan dengan beberapa taklimat dari Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Bahagian Kesihatan dan Keselamatan Tempat Kerja serta Unit Agensi Pekerjaan.

Pemeriksa Buruh Kanan, Awang Mohd. Zulfadli bin Suhai menjelaskan mengenai Pas Kerja di mana majikan hendaklah sentiasa memastikan pekerja yang diambil mempunyai Pas Kerja yang sah dan hanya melakukan pekerjaan seperti jawatan yang tertera di dalamnya dan mengikut kebenaran lesen.

Sementara itu, Penolong Pesuruhjaya Buruh, Dayang Norizzah Hazirah binti Haji Awang Hussin pula menjelaskan, mengenai kontrak perkhidmatan termasuklah insurans pekerja yang mana majikan hendaklah melindungi pekerja asing dengan insurans perubatan dan juga penyediaan perumahan yang mempunyai kemudahan-kemudahan asas.

Taklimat dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang juga

disampaikan oleh Pemeriksa Buruh Kanan, Awang Mohamad Hazizul bin Hassan yang antara lain menjelaskan, kaedah penyelesaian serta tindakan terhadap isu perburuhan adalah dengan mengadakan pogram kesedaran dan pemahaman khususnya melalui jerayawara dan media massa; penguatkuasaan penyiasatan dan perundangan dengan kedua belah pihak; amaran bertulis dan pengurangan serta pembatalan lesen.

Antara lain objektif jerayawara tersebut adalah untuk memberikan kefahaman dan meningkatkan kesedaran kepada orang ramai terutama sekali majikan-majikan dan pekerja-pekerja di sektor swasta mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan perburuhan di negara ini serta hak-hak mereka selaku majikan dan pekerja yang tertera di dalam Perintah Pekerjaan 2009.

Semasa jerayawara tersebut, buku 'Panduan Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Pekerjaan di Negara Brunei Darussalam' dalam versi kedua juga diberikan yang mana buku berkenaan diterbitkan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Ia mengandungi maklumat ringkas mengenai Perintah Pekerjaan 2009 dan

Perintah Agensi Pekerjaan 2004.

Juga terkandung di dalamnya adalah berkenaan dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2009, Akta Pampasan Pekerja 1957, dan Akta Maklumat Pekerjaan 1974 serta Senarai Semak Majikan dalam penyediaan Kontrak Perkhidmatan, Contoh Kontrak

Perkhidmatan serta tatacara membuat aduan bagi sebarang pertikaian perburuhan.

Seramai 130 orang jemputan yang hadir dalam majlis jerayawara tersebut yang terdiri daripada para majikan dan pekerja khususnya dari kalangan 'Human Resource Manager' atau 'Public Relation Officer'.



SEBAHAGIAN daripada majikan dan wakil swasta yang hadir pada Majlis Jerayawara Pembarigaan Undang-Undang Perburuhan Negara Brunei Darussalam.

Hormati pegangan hidup, kebudayaan peserta lain

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Seramai 28 kontinjen serta seorang ketua kontinjen akan mewakili Negara Brunei Darussalam ke Program Rancangan Kapal Belia



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud semasa berucap pada 'Preview National Presentation' Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun Ke-42, 2015 di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-42, tahun ini.

SSEAYP merupakan pertukaran belia antarabangsa yang dilaksanakan khusus untuk para belia di negara-negara ASEAN dan Jepun yang mana program tahunan itu bermula sejak 1974 yang dikelolakan dan ditaja sepenuhnya oleh kerajaan Jepun dengan kerjasama negara-negara ASEAN.

Sehubungan itu, 'Preview National Presentation' SSEAYP Ke-42, 2015 berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud yang juga dalam ucapannya menasihatkan agar para peserta mempelajari sesuatu yang baik dan bermanfaat.

Para peserta diingatkan supaya menghormati pegangan hidup dan kebudayaan peserta lain termasuk kepercayaan dan pendirian mereka dengan mengamalkan sikap toleransi dan tolak ansur, bersopan santun, saling membantu dan memahami di antara satu sama lain.

Tambahnya, para peserta juga akan

sentiasa mematuhi peraturan yang telah disediakan oleh pihak penganjur dengan sentiasa menjaga disiplin dan menghormati serta memenuhi arahan dan peraturan.

Oleh itu, beliau berharap persiapan-persiapan yang telah diberikan kepada setiap para peserta akan dijadikan satu sandaran dan panduan selain segala tunjuk ajar serta nasihat itu akan dapat dipraktik dan diketengahkan untuk dikongsi dengan peserta negara yang lain.

Pada majlis tersebut diserikan dengan persembahan peragaan pakaian (*attires*) yang akan dipakai oleh para peserta di sepanjang program SSEAYP 2015 dijalankan, di samping persembahan 'Preview National Presentation' (persembahan kebudayaan dan pameran) dari para peserta SSEAYP 2015.

Program SSEAYP 2015 akan berjalan selama 51 hari bermula 27 Oktober hingga 16 Disember tahun ini yang objektifnya untuk mengukuhkan persahabatan dan memupuk persefahaman di antara generasi muda terutama golongan belia serantau dan Jepun ke arah kerjasama semua bidang pada masa akan datang.

Objektif program tersebut juga adalah untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan, di samping memperkenalkan budaya masing-masing, mengenal semangat serta menghormati persamaan dan



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud semasa menyampaikan cenderahati kepada seorang penerima.

perbezaan masing-masing.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam tahun ini merupakan yang Ke-30 sejak tahun 1985 yang telah dipersetujui bersama ketua-ketua negara ASEAN dan Jepun melalui Memorandum Persefahaman yang ditandatangani pada tahun 1974.

Dalam program tersebut para kontingen akan diberikan peluang tentang cara hidup dan berinteraksi secara sihat di atas kapal, di samping

melawat dan mempelajari negara-negara semasa para peserta terlibat secara langsung dengan penduduk tempatan yang ditemui.

Antara aktiviti atas kapal termasuklah memperkenalkan dan pengenalan negara masing-masing (persembahan kebudayaan dan pameran), perbincangan, aktiviti kelab, aktiviti kumpulan, ceramah, aktiviti sukarela, latihan keselamatan dalam kapal dan sebagainya.

Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 27 pegawai kadet akan ditauliahkan

Oleh :

Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto :

Muhammad Asri Haji Awang Abas

SUNGAI AKAR, Selasa, 20 Oktober. - Bagi memberkesankan lagi Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang akan diadakan pada 22 Oktober ini, satu raptai penuh diadakan di Padang Kawad sekolah tersebut di sini.

Antara yang hadir menyaksikan raptai berkenaan ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan pegawai-pegawai kanan ABDB.

Upacara tersebut merupakan hari yang sangat signifikan dan amat dinantikan khususnya bagi pegawai-pegawai kadet yang telah berjaya menamatkan latihan selama 52 minggu yang telah bermula pada 24 Oktober 2014.

Seramai 27 pegawai-pegawai kadet (15 lelaki dan 12 wanita) akan



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan pegawai-pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa hadir menyaksikan raptai penuh bagi Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB.

ditauliahkan sebagai pegawai ABDB pada upacara tersebut terdiri daripada

13 pegawai Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), tujuh pegawai Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan tujuh pegawai Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Pencapaian ini bukan sahaja menjadi kebanggaan dan penghormatan bagi pegawai-pegawai kadet yang akan ditauliahkan, malah ia juga sebagai satu kebanggaan yang besar bagi ibu bapa serta penjaga dan ahli keluarga pegawai-pegawai kadet yang selama ini telah memberikan sokongan dan suntikan semangat ke arah kejayaan para pegawai yang bakal ditauliahkan.

Pentauliahkan pegawai-pegawai kadet ini juga merupakan tanggungjawab, amanah dan kepercayaan yang telah diberikan untuk menjadi pemimpin dan pengurus di dalam ABDB.

Oleh itu, tanggungjawab tersebut hendaklah dipikul dan dilaksanakan dengan penuh semangat, komitmen dan keikhlasan hati.

Dengan latihan dan penerapan ciri-ciri kepimpinan serta nilai-nilai teras Setia, Taqwa dan Berani, semasa



menjalani latihan, hendaklah terus diamalkan agar dapat menjadi pemimpin yang berwibawa.

Pegawai-pegawai kadet juga dituntut supaya akan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan keupayaan masing-masing.



RAPTAI penuh bagi Upacara Sovereign's Parade Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, ABDB, berlangsung di Padang Kawad sekolah tersebut (atas, bawah dan kanan).



Tinjau pelaksanaan peperiksaan PSR



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Rendah Tungku, Kluster 1 bagi meninjau kelancaran peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2015. Rombongan disertai oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahim bin Derus.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail dan rombongan mengadakan lawatan kerja di kedua-dua buah sekolah rendah berasingan di Daerah Brunei dan Muara bagi memberikan semangat kepada pelajar-pelajar Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan seterusnya meninjau kelancaran PSR 2015 yang bermula dengan kertas

peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB) hari ini.

Lokasi pertama yang dilawati ialah Sekolah Rendah (SR) Tungku, Kluster 1.

Ketibaan Yang Mulia Dato Seri Setia di sekolah tersebut dialu-alukan oleh Guru Besar SR Tungku, Kluster 1, Dayang Hajah Norliha binti Haji Matali.

Di sini, Pemangku Menteri Pendidikan dan rombongan dibawa

meninjau ke dewan peperiksaan dan turut melihat keadaan calon-calon PSR memulakan peperiksaan dengan membaca doa. Seramai 100 orang calon PSR menduduki penilaian di sekolah tersebut.

Pemangku Menteri Pendidikan dan rombongan kemudian dibawa meninjau ke bilik khas yang mana beberapa orang pelajar berkeperluan khas turut menduduki peperiksaan PSR mereka.

Lawatan diteruskan ke SR Mata-Mata, Kluster 1 dengan dialu-alukan oleh Guru Kanan Pentadbiran, Kluster 1, Dayang Hajah Safarina binti Haji Yahya. Semasa berada di sini rombongan seterusnya memerhatikan perjalanan para pelajar yang terdiri daripada 78 calon PSR yang menduduki PSR mereka di dewan sekolah berkenaan.

Dalam temu bual bersama pihak media, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyatakan lawatan antara lain dibuat bagi memerhati perjalanan PSR dan secara tidak langsung memberikan semangat kepada semua pelajar, di samping menyuntik semangat kepada semua calon PSR di negara ini.

Lawatan juga adalah sebagai titik-tolak daripada usaha Kementerian Pendidikan yang bermula awal tahun sebelumnya bagi para pelajar.

Katanya, usaha kementerian tersebut adalah sebagai menjunjung dan mendukung hasrat dan titah

Berita dan Foto : Kementerian Pendidikan

Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun Masihi, 2015 dengan sekurang-kurangnya 90 peratus para pelajar memperoleh Gred 'C' dalam PSR tahun 2017.

Kementerian Pendidikan, jelasnya, telah berusaha memberikan fokus utama dalam kepimpinan (sekolah), pengajaran dan pembelajaran, kehadiran faktor dan sosial, akauntabiliti dan pengurusan pencapaian dan usaha komunikasi yang merentas semua bidang fokus (*cross cutting enabler*) berkenaan.

Sementara itu, perhatian khusus juga, tambahnya, diberikan dalam mata-mata pelajaran yang dikenal pasti para pelajar memerlukan bantuan dan sokongan.

Menurutnya, antara usaha yang telah dilaksanakan ialah memperkenalkan beberapa inisiatif iaitu dengan mengadakan 'Learning Design' dan menganalisis item jawapan yang diberikan para pelajar bagi membantu mengenal pasti usaha sokongan yang bersesuaian untuk membantu pelajar.

Pemangku Menteri Pendidikan juga menyentuh mengenai pengenalan Transkrip pelajar yang dikeluarkan mulai CPT 2. Dalam transkrip ini

para pelajar akan dapat mengetahui tajuk-tajuk yang memerlukan lebih perhatian bagi pembaikan.

Tahun ini, seramai 6,581 pelajar di seluruh negara menduduki PSR tahun 2015. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,068 terdiri daripada calon-calon sekolah-sekolah kerajaan; 1,805 calon dari sekolah-sekolah swasta, sekolah Arab sejumlah 681, manakala calon persendirian seramai 27 orang.

Dalam pada itu, Pemangku Menteri Pendidikan turut mengambil maklum dan berterima kasih atas usaha guru-guru, ibu bapa kerana memulakan PSR dengan membaca doa, selain mengambil maklum terdapatnya sekolah-sekolah yang mengadakan Sembahyang Sunat Doha bagi memohon keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Lawatan kerja disertai oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan, Awang Haji Abd. Rahim bin Derus; ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.



SUASANA peperiksaan PSR 2015 bagi kertas peperiksaan Melayu Islam Beraja (MIB) di Sekolah Rendah Tungku, Kluster 1 (kiri) dan Sekolah Rendah Mata-Mata, Kluster 1 (kanan).

6,581 calon menduduki peperiksaan PSR

Oleh : Mariani Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 20 Oktober. - Seramai 6,581 calon menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) di seluruh negara yang bermula hari ini sehingga 28 Oktober depan.

Daripada jumlah tersebut 37 orang murid adalah dari Sekolah Rendah Tutong Kem (SRTK), Tutong 1.

Pada tahun ini, SRTK telah menyasarkan 74 peratus lulus selaras dengan sasaran negara. Ini telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng

semasa sesi perjumpaan bersama para pemimpin sekolah rendah pada bulan Februari 2015 yang berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong. Sekurang-kurangnya, 74 peratus pelajar akan mencapai Gred 'A' hingga 'C' bagi Peperiksaan PSR 2015.

Penolong Guru Besar SRTK, Dayang Lulita binti Haji Hashim dalam temu bual menyatakan beberapa inisiatif telah dilakukan oleh pihak sekolahnya, khususnya guru-guru bagi mencapai sasaran sekolah berkenaan.

Antara inisiatif yang diadakan ialah mengadakan program kelas tambahan

seperti kelas tambahan pagi yang bermula pada pukul 7.00 hingga 7.30 pagi; kelas tambahan 'stay back' pada pukul 12.45 hingga 1.45 petang dan kelas tambahan pada hari Jumaat serta Ahad, 8.00 hingga 11.15 pagi serta perjumpaan ibu bapa dengan guru bagi meningkatkan prestasi murid, ceramah motivasi, Sembahyang Sunat Hajat juga diadakan.

Sementara itu, guru subjek Bahasa Inggeris, selaku guru kelas Tahun 6A, Dayang Linahazwani binti Hussin turut menjelaskan harapan beliau agar semua murid mencapai keputusan cemerlang, lulus dalam setiap subjek dan seterusnya mencapai sasaran nasional itu.

Tambahnya, semasa peperiksaan

dijalankan, murid-murid dikehendaki menjawab kertas soalan dengan cermat dan berhati-hati, membaca arahan dan soalan dengan betul dan seterusnya menyemak semula kertas jawapan mereka.

Seterusnya, salah seorang ibu murid yang menduduki PSR yang juga bertugas di sekolah berkenaan menyatakan harapan beliau agar anaknya mencapai kecemerlangan di dalam peperiksaan dan dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan yang dihadapi serta mendoakan yang terbaik buat anaknya.

Pada tahun 2011, seramai tiga orang murid SRTK pernah mencapai 5A; dua orang pada tahun 2013 dan seorang lagi pada tahun 2014,

manakala peratus lulus pencapaian PSR sekolah ini pada tahun lepas adalah sebanyak 68.63 peratus dan 86.84 peratus pada tahun 2013.

Dari segi pencapaian kokurikulum pula, pada tahun 2014, sekolah ini telah mendapat tempat kedua bagi Kejohanan Bola Jaring; tempat ketiga bagi Kategori Perempuan dalam Pertandingan Mari Bercerita; juara bagi Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Lazim anjuran Persatuan Pandu Puteri Daerah Tutong dan juara bagi Kategori Lelaki dan naib juara bagi Kategori Perempuan pada acara Persembahan Malam Sekolah-Sekolah Rendah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



MURID-MURID dari Sekolah Rendah Tutong Kem, Tutong 1 sempat menelaah mata pelajaran sebelum menduduki peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2015.

Oleh: Norliah binti Md. Zain

Foto: Norliah binti Md. Zain dan Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



BAHAN pameran di atas menceritakan beberapa penyebab seseorang itu terjebak dalam penyalahgunaan dadah.

PROSES kepulihan dadah sememangnya satu perkara yang rumit dan agak sukar untuk ditangani dalam waktu yang singkat. Lazimnya ia dilakukan pada tempoh yang agak panjang dan berterusan kerana ia merupakan satu tabiat negatif yang boleh berulang.

Sebahagian masyarakat sering menganggap dan mengharapkan bekas pengguna dadah yang menjalani rawatan dan pemulihan akan pulih sepenuhnya apabila keluar dari pusat pemulihan. Namun ia tidaklah semudah itu. Semasa meninggalkan pusat pemulihan, bekas pengguna dadah itu baru selesai melalui proses pemulihan utama dan seterusnya memulakan pula proses pemulihan lanjutan dalam komuniti.

Secara ringkasnya pemulihan ialah suatu program yang dijalankan oleh para bekas pengguna dadah di dalam pusat-pusat rawatan dengan melakukan pelbagai aktiviti seperti kaunseling, pembelajaran sosial, latihan vokasional, latihan kecergasan, pendidikan agama, rekreasi dan sebagainya. Dengan adanya program pemulihan ini ia diharap akan dapat mengubah dari segi pemikiran, sikap dan tingkah laku demi merubah mereka ke arah kebaikan.

Sementara kepulihan pula merupakan penambahbaikan sendiri yang beransur-ansur, tanpa adanya batas waktu secara berterusan sepanjang hayat mereka. Makanya proses ini melibatkan mereka untuk menyerap ke dalam masyarakat.

Jika didalam pusat rawatan, peranan menyokong para bekas pengguna dadah ini dipikul oleh para pegawai pemulihan namun setelah mereka keluar dari pusat rawatan proses kepulihan mereka itu dipikul oleh keluarga, rakan-rakan sebaya dan anggota masyarakat. Oleh itu, anggota masyarakat mestilah sama-sama

membantu agar bekas pengguna dadah ini terus berusaha mencapai kepulihan.

Memang diakui, peranan tersebut hanya dapat dimainkan sebaik-baiknya jika pihak keluarga dan masyarakat memperoleh maklumat dan bimbingan yang mencukupi.

Schubungan dengan itu, bersempena dengan Sambutan Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Penedaran Dadah Haram 2015, pihak Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah mengadakan pameran selama tiga hari bermula 17 hingga 19 Oktober 2015 di sebuah gedung terkemuka di Berakas.

Pameran yang bertemakan 'Perjalanan Menuju Kepulihan' itu menumpukan kepada perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah yang diberikan oleh BKN.

Antara yang didedahkan pada pameran itu ialah pengetahuan mengenai fungsi dan peranan Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan BKN seperti program-program yang diikuti oleh residen Pusat Al-Islah dan skim-skim mandatori yang perlu dijalankan oleh bekas pengguna dadah yang menjalani skim pengawasan.

Turut dipamerkan ialah hasil-hasil kerja tangan seperti perabot hasil dari program vokasional yang diikuti para residen Pusat Al-Islah. Untuk menyerikan pameran, beberapa alat bantu seperti televisyen yang memaparkan video perkongsian hidup para bekas pengguna dadah yang telah kembali ke pangkal jalan.

Pondok Konsultasi juga disediakan untuk kemudahan orang ramai yang berhajat untuk mengetahui lebih lanjut perkhidmatan yang disediakan malah para pengunjung berpeluang untuk bertanya terus kepada pegawai dan kakitangan BKN yang memberi khidmat di Pusat Al-Islah dan



PELBAGAI warna pakaian di atas menunjukkan pengenalan fasa residen Pusat Al-Islah yang menjalani rawatan pemulihan.

Ubah persepsi terhadap bekas pengguna dadah

Cawangan Pengawasan.

Dengan adanya pameran ini, ia diharap dapat mengurangkan stigma, stereotaip untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap bekas pengguna dadah dan yang penting sekali memberikan kesedaran terhadap keluarga-keluarga bekas pengguna dadah dan masyarakat betapa pentingnya penerimaan dan sokongan mereka terhadap bekas pengguna dadah ini agar membantu mereka berintegrasi semula di dalam masyarakat. Semua bekas pengguna dadah memang menyedari bahawa setelah selesai menjalani rawatan mereka tidak boleh lagi kembali menagih serta perlu melakukan perubahan positif. Oleh itu, mereka amat memerlukan sokongan moral dan penerimaan dari anggota masyarakat agar mereka dapat bergaul dengan masyarakat.

Menyentuh mengenai dengan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan pemulihan dadah di negara ini, terdapatnya peningkatan kesedaran awal dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dalam kalangan pihak individu, ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga, yang mana dengan secara sukarela telah menyerahkan atau menghantar anak atau ahli keluarga mereka yang terlibat untuk menjalani rawatan dan pemulihan sebelum mereka terjerumus pada ketagihan yang amat teruk.

Menurut Pengarah BKN, Awang Haji Jasmin bin Haji Jamudin dalam ucapannya sempena Sambutan Memperingati Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Penedaran Dadah Haram 2015 berkata, pada tahun 2012, seramai sembilan orang telah masuk secara sukarela di Pusat Al-Islah, tahun 2013 seramai 23 orang dan 30 orang pada tahun 2014. Sementara pada tahun 2015 ini sehingga bulan September sahaja seramai 28 orang telah mendaftar masuk secara sukarela.

Ketika berucap sempena sambutan tersebut, Pengarah BKN turut menyatakan sehingga September 2015, seramai 184 orang residen sedang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Al-Islah yang terdiri daripada 165 lelaki dan 19 perempuan. Daripada jumlah tersebut, seramai 39 orang residen adalah kemasukan atas perintah Mahkamah, 97 orang melalui perintah menteri dan 48 orang adalah kemasukan secara sukarela. Pada sehingga September 2015, seramai 82 orang residen telah berjaya menjalani rawatan dan pemulihan.

Ujarnya lagi, kemasukan secara berulang (*relapsed case*) dalam kalangan residen Pusat Al-Islah menunjukkan penurunan yang mana pada tahun 2013, 2014 dan sehingga September 2015, purata hanya 10 peratus sahaja.

Menurut Pengarah BKN lagi, dalam usaha membaik pulih pengguna-pengguna dadah, BKN melalui Pusat Al-Islah dan Cawangan Pengawasan telah berusaha menambah baik program-program yang berorientasikan perubahan. Oleh itu, program penerapan *psycho education* dalam pelan rawatan perkhidmatan kaunseling telah diperkenalkan termasuk aspek-aspek pencegahan



GAMBAR menunjukkan peti khas berkunci tempat penyimpanan contoh air kencing setelah menjalani Drug Abuse Screening Test (DAST), yang mana DAST adalah satu ujian untuk menunjukkan akibat-akibat dan masalah yang diperolehi oleh seorang individu yang terlibat dengan bahan-bahan penyalahgunaan dadah.

"PAMERAN seumpama ini amat berguna untuk memberikan maklumat kepada orang ramai terutama kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah agar menghantar mereka itu ke pusat pemulihan supaya dapat dibantu oleh mereka yang pakar."

- Presiden Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali

berulang dan memberikan intervensi awal kepada pengguna dadah. Selain itu BKN dari semasa ke semasa juga mempelajari dan mengamalkan kaedah-kaedah terbaik berasaskan bukti (*evidence-based practices*).

Menurut Ketua Pegawai Narkotik II, Awang Abu Bakar bin Haji Bakir, antara punca residen Pusat Al-Islah menjadi pengguna dadah adalah disebabkan ingin mencuba, masalah keluarga, menghadapi tekanan atau kekecewaan serta pengaruh dan desakan kawan.

PEMULIHAN PERLUKAN KEPAKARAN

Presiden Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA), Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali ketika ditemui pada pameran itu turut kagum dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh BKN baik dari segi pencegahan mahupun pemulihan dadah. Katanya, pameran seumpama ini amat berguna untuk memberikan maklumat kepada orang ramai terutama kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah agar menghantar mereka itu ke pusat pemulihan supaya dapat dibantu oleh mereka yang pakar. Tambahnya, kita patut mensyukuri kerana kos rawatan pemulihan kepada bekas pengguna dadah ini ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan, yang mana perkara ini tidak terdapat di negara lain.



Sememangnya melaksanakan pemulihan terhadap pengguna-pengguna dadah ini memerlukan kepakaran yang khusus kerana ia bukanlah satu perjalanan rawatan yang mudah. Banyak aspek yang perlu dititikberatkan. Oleh itu, bagi mereka yang mempunyai keluarga yang terlibat ke dalam kancah dadah ini, wajarlah bertindak segera kerana ia merupakan langkah yang bijak dari terus membiarkan mereka itu hanyut pada anasir itu.

Sama-samalah kita renungkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 pada 4 Jamadilawal 1436 Hijrah / 22 Februari 2015 Masihi telah bertitah:

"Salah satu anasir yang boleh menggugat keamanan dan keselamatan ialah penyalahgunaan dadah di mana dalam konteks ini, agensi-agensi kerajaan, orang ramai, ibu bapa, pihak sekolah, organisasi bukan kerajaan dan pemimpin akar umbi hendaklah bersatu tujuan memupuk kesedaran dan menggandakan lagi usaha memerangi penyalahgunaan dadah itu."

Perjalanan Menuju Kepulihan

Penulis mengungkapkan luahan penyesalan dari seorang bekas pengguna dadah

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md Noor

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah dan ihsan Pusat Al-Islah

ALHAMDULILLAH, pertamanya dengan mengucap syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana akhirnya saya dapat menemui ketenangan dan jalan yang saya cari selama ini. Inilah sebahagian perjalanan hidup daripada mula mengenal dadah hinggalah saya berdiri sebagai orang yang berjaya, melepaskan diri daripada cengkamannya.

Apa yang diharapkan luahan dari cerita ini dapat menjadi pedoman dan iktibar bukan saja kepada yang masih pengguna dadah di luar sana tetapi juga kepada mereka yang mempunyai orang-orang yang disayangi dan masih terlibat atau mereka yang ketika ini masih menjalani rawatan seperti rakan-rakan, suami, isteri, anak-anak, ibu, ayah, adik-beradik agar tidak membenci, mencera dan mengasingkan mereka daripada kehidupan berkeluarga dan

sentiasa memberikan mereka peluang untuk berubah dan berjaya.

Sejak dari kecil saya telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan keugamaan yang cukup oleh kedua orang tua sehingga saya menamatkan persekolahan di Tingkatan 5. Ilmu ini diharapkan dapat menjadikan saya menjadi orang yang berjaya tetapi malangnya harapan dan cita-cita mulai musnah apabila saya mulai pandai merokok dan akhirnya dikenalkan dengan dadah ubat batuk pada peringkat awal. Saya sendiri tidak tahu apa sebenarnya yang saya ambil tetapi kerana kawan yang buat dan memberikannya maka saya tanpa berfikir panjang akan kesan dan akibat hanya terus mengambil benda tersebut. Dari sana saya mulai mengenal dan mengambil dadah-dadah yang lain.

Sepanjang penglibatan dengan



SALAH satu program vokasional bagi lelaki sebagai salah satu kesediaan untuk hidup berdikari yang dijalankan di Pusat Al-Islah, Kupang.

SEJAK dari kecil saya telah dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan keugamaan yang cukup oleh kedua orang tua sehingga saya menamatkan persekolahan di Tingkatan 5. Ilmu ini diharapkan dapat menjadikan saya menjadi orang yang berjaya tetapi malangnya harapan dan cita-cita mulai musnah apabila saya mulai pandai merokok dan akhirnya dikenalkan dengan dadah ubat batuk pada peringkat awal. Saya sendiri tidak tahu apa sebenarnya yang saya ambil tetapi kerana kawan yang buat dan memberikannya maka saya tanpa berfikir panjang akan kesan dan akibat hanya terus mengambil benda tersebut. Dari sana saya mulai mengenal dan mengambil dadah-dadah yang lain.

penyalahgunaan dadah saya telah banyak melepaskan peluang dan memusnahkan kejayaan-kejayaan yang sepatutnya saya raih dan saya bangun. Saya mulai mengabaikan tanggungjawab saya di dalam kerjaya dan karier. Saya mulai lewat datang bekerja malah selalu tidak hadir sehinggalah saya diberhentikan kerja. Saya mulai mengabaikan amanah yang sepatutnya saya tanai terhadap keluarga, isteri dan anak-anak. Saya gagal memberikan kasih sayang, perhatian dan tidak memenuhi keperluan hidup serta nafkah sewajarnya kepada mereka. Dan yang paling malang saya sudah mulai pandai melakukan jenayah-jenayah lain kerana desakan keperluan untuk mendapatkan bekalan dadah.

Kedua, saya mungkin telah kehilangan banyak perkara di masa silam. Saya telah kehilangan harta dan karier, kehilangan keluarga dan orang yang saya sayangi, kehilangan maruah dan harga diri, kehilangan kepercayaan dan sokongan tetapi ada satu yang masih ada di dalam genggamannya saya, iaitu masa



TEMU bual daripada salah seorang bekas pengguna yang kini kembali ke pangkal jalan.

hadapan. Dalam keadaan saya menghidap sakit kanser sejak tahun 2014, selama mana umur yang akan Allah pinjamkan untuk saya, selama itulah juga saya akan terus berusaha membangun dan membina kejayaan-kejayaan dalam hidup ini. Ketiga kepercayaan pihak kerajaan melalui Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri yang telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk menjadi seorang tenaga pengajar (*mayor*) di Pusat Al-Islah pada ketika ini juga menjadi penyuntik semangat untuk terus berbakti kepada mereka yang senasib dengan saya.

Yang terakhir tidak lain adalah kerana harapan, kasih sayang, sokongan dan kepercayaan anak-anak kepada saya selama ini. Saya penuh bersyukur mempunyai anak-anak yang sentiasa berada di sisi saya dalam suka dan duka saya menempuhi ujian kehidupan sebagai seorang *recovery*. Merekalah sumber kekuatan saya di dalam sebahagian kejayaan pada hari ini. Dan insyaaAllah saya akan terus menebus kesilapan lalu kepada mereka dan memenuhi amanah-amanah serta tanggungjawab yang sepatutnya saya tanai dalam kehidupan hari ini dan akan seterusnya.



KERIANGAN bersama anak-anak tersayang yang kini memberikan kasih sayang dan sokongan serta sumber kekuatan kepada beliau.

Peristiwa hijrah Rasulullah pembakar semangat umat Islam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji
Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji
Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membawa perubahan yang besar kepada kebangkitan dan perkembangan agama Islam.

Bermula daripada peristiwa tersebut, agama Islam semakin pesat dan berkembang maju di seluruh dunia.

Hijrah adalah sangat relevan untuk diterapkan terutama terhadap individu iaitu dengan berusaha menjauhkan diri daripada melakukan perbuatan yang mendatangkan keburukan, berubah daripada perlakuan negatif kepada positif.

Dalam erti kata lain, manusia perlu berusaha berhijrah meninggalkan segala perbuatan yang mendatangkan keburukan dan membawa kepada kegagalan hidup, lebih-lebih lagi perbuatan yang dilarang Allah.

Demikian antara yang terkandung di dalam Ceramah Khas 'Wasatiyyah Asas Kecemerlangan Ummah' disampaikan oleh Pengarah Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) berlangsung Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KPSSU.

Menurut Dr. Haji Noralizam lagi, hijrah itu adalah pembakar semangat umat Islam kerana permulaan takwim Hijrah itu sendiri diambil daripada peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan lahirnya kekuatan umat Islam.

Jelasnya, peristiwa ini juga



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1437 Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

mengingatkan kita mengenai hijrah umat Islam daripada umat yang dahulunya ditindas menjadi umat yang hebat iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sementara itu, menyentuh mengenai makna *wasatiyyah* itu, beliau menjelaskan bahawa ia bermaksud pertengahan iaitu umat yang sentiasa istiqamah, pandai mengimbangi antara dunia dan akhirat.

Beliau juga turut menerangkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala ada berfirman yang antara lain tafsirnya menyebut bahawa sebaik-baik umat itu adalah umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Allah mengiktiraf sebaik-baik umat ini menurut syarat-syaratnya.

Antara syarat yang disebut itu tambahnya, ialah dengan membuat segala amal kebaikan dan meninggalkan segala yang

dilarang-Nya.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Pengiran Md Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marzuki dan terjemahannya oleh Awang Haji Baharin bin Haji Jumay.

Majlis pada petang itu turut diselenggarakan dengan meraikan kepulauan warga KPSSU yang telah selamat kembali ke tanah air daripada menunaikan fardu haji tahun ini.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi meraikan kepulauan dengan selamat enam orang jemaah haji dari KPSSU dan jabatan-jabatan

di bawahnya.

Tuut hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr). Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan) KPSSU, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd Hamid; pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KPSSU di jabatan dan bahagian di bawahnya.

CERAMAH Khas Hijrah bertajuk 'Wasatiyyah Asas Kecemerlangan Ummah' disampaikan oleh Pengarah Antarabangsa dan Perhubungan Awam, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakhbar.



PDB semarak Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd Noor bersama-sama warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ketika hadir dalam Ceramah Khas sempena Awal Tahun Hijrah 1437 PDB di Surau Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Oleh : Hajah Norizan Mahal
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Oktober. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun Baru 1437 Hijrah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah yang berlangsung di Surau Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis,

Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd Noor.

Turut hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam; pegawai-pegawai dan anggota pangkat rendah PDB.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas bersempena Awal

Tahun Hijrah yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Abdul Rahman Haki. Dalam ceramah tersebut menceritakan kaitan sejarah penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengapa Nabi berhijrah dalam menegakkan kalimah Allah serta menyebarkan agama Islam.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong dan seterusnya bacaan Surah Al Faatihah beramai-

ramai.

Acara tersebut merupakan antara aktiviti tahunan Badan Ugama Islam PDB dan mengimarahkan Surau Ibu Pejabat Polis Gadong dan menjalin silaturahim di antara warga PDB.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

PENCERAMAH undangan daripada UNISSA, Dr. Abdul Rahman Haki semasa menyampaikan ceramahnya.



Buat pemeriksaan setiap bulan

Oleh : Dk Nur Effa Ryina Pg Haji Hamdani
Foto : Ihsan Penerbangan Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 18 Oktober. - Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC) menganjurkan Hari Amal Mengutip Dana untuk menambah dana Breast Cancer Support Group dan Yayasan Kanser Kanak-Kanak Brunei (YASKA).

Acara berkenaan telah diadakan di RBRC, Berakas, di sini.

Pelbagai aktiviti telah disusun antaranya cara-cara pemeriksaan payudara yang betul oleh Matron dan Setiausaha Breast Cancer Support Group, Hajah Dayang Jaliha binti Haji Momin.

Breast Cancer Support Group telah ditubuhkan pada tahun 2002, diinisiatifkan oleh 20 pakar perubatan, jururawat, pekerja sosial dan pesakit-pesakit kanser.

Kumpulan itu dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran orang awam akan kanser payudara dan sebagai sokongan atau bantuan bagi pesakit-pesakit kanser untuk sama-sama mengongsikan kisah mereka atau

sokongan moral bagi pesakit-pesakit.

Menurut Hajah Dayang Jaliha, adalah penting seseorang itu membuat pemeriksaan sendiri payudara setiap bulan, mengetahui cara-cara untuk membuat pemeriksaan payudara dengan cara yang betul dan hendaklah terus berjumpa doktor di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan jika terdapat sebarang perubahan pada payudara.

Sebagai tambahan, seseorang itu bolehlah mendapatkan pemeriksaan payudara daripada doktor atau jururawat setiap tahun. Bagi wanita berumur 38 tahun ke atas, pemeriksaan tambahan boleh dilakukan setiap tahun.

Kebanyakan wanita tidak mahu melakukan pemeriksaan payudara sendiri kerana takut akan menemui sesuatu yang tidak menyenangkan.

Tetapi dengan pengesanan awal bagi kanser bermakna rawatan dapat dilakukan lebih awal dan ia boleh menyelamatkan nyawa awda kerana



PROFESOR Dr. Haji Shafiq bin Abdullah menyampaikan penjelasan mengenai penyakit kanser payudara pada Hari Amal Mengutip Dana yang dianjurkan oleh Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC) bagi menambah dana Breast Cancer Support Group dan Yayasan Kanser Kanak-Kanak Brunei (YASKA).

kanser payudara boleh pulih jika dikesan awal.

Beberapa orang pesakit kanser juga mengongsikan cerita mereka di Think Pink! bersama Profesor Dr. Haji Shafiq bin Abdullah.

Profesor Dr. Haji Shafiq menerangkan akan kepentingan membuat pemeriksaan sendiri di rumah atau pusat-pusat kesihatan oleh pakar bagi membuat pemeriksaan

dan mengesan sekiranya terdapat kanser untuk rawatan dan pemulihan lebih awal.

Dayang Masjuwita binti Haji Abd. Hamid pesakit kanser (*cancer survivor*) dan Dayangku Daniella Hancox binti Pengiran Haji Aliudin pesakit kanser YASKA mengongsikan kisah mereka semasa dari awal mereka dikesan menghidap kanser.

Dayang Masjuwita mengongsikan pengalaman beliau semasa menjalani rawatan setelah didiagnosis dengan kanser payudara.

Ahli keluarga yang banyak mendorong beliau, dan memberikan sokongan terutama sekali semasa menjalani rawatan di hospital sama ada di dalam atau di luar negara.

Dayangku Daniella juga menasihati pesakit-pesakit kanak-kanak kanser untuk membuat pemeriksaan setiap tahun, perlu kuat dan ambil ubat secara betul dan mengikut nasihat doktor.

"Melalui rawatan sebagai pesakit kanser dengan berkat doa, sokongan dan dorongan keluarga dan rakan-rakan di sekeliling beliau, selama lebih satu tahun Dayangku Daniella tidak dapat untuk hadir ke sekolah, tetapi sekarang beliau sudah pulih dan dapat membuat aktiviti dan bersekolah seperti

biasa," katanya.

Dayang Masjuwita dan Dayangku Daniella juga tidak lupa merakamkan penghargaan terima kasih kepada para doktor, jururawat dan pekerja-pekerja hospital yang merawat mereka semasa di hospital.

BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/54/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MINUMAN PANAS BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH SELANGAN
2. SEKOLAH RENDAH AMO
DAERAH TEMBURONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MP/41]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/55/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MINUMAN PANAS BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH NEGALANG
2. SEKOLAH RENDAH LABU ESTATE
3. SEKOLAH RENDAH
PIASAU-PIASAU,
DAERAH TEMBURONG,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MP/42]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND10.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**TAWARAN RANCANGAN
PERMAKINAN SEKOLAH BAHAGIAN
MAKAN**

BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/56/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN MA-
KAN BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH BEBULOH
2. SEKOLAH RENDAH KASAT
3. SEKOLAH RENDAH PUTAT
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MKN/01]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/57/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH NAKHODA
ABDUL RASHID MENUNGGOL,
KAMPONG MENUNGGOL
2. SEKOLAH RENDAH TANJONG
KINDANA
DAERAH BRUNEI MUARA,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MKN/02]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/58/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH PANCHONG
2. SEKOLAH RENDAH BENUTAN
DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MKN/03]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/59/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH KAMPONG
BUKIT
2. SEKOLAH RENDAH DATO PEMAN-
CHA SAGING, KAMPONG UKONG
DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MKN/04]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/60/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI :**
1. SEKOLAH RENDAH RAMBAI
2. SEKOLAH RENDAH BUKIT UDAL
DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MKN/05]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/61/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])
**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI**
SEKOLAH RENDAH PENGIRAN
KESUMA NEGARA BUKIT BERUANG
DAERAH TUTONG, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN
[BAGI KOD BLOK : MKN/08]
BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND30.00
(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN TAWARAN
'TENDER NOTICE'**

**BILANGAN TAWARAN / TENDER REFERENCE: 10/2015/KKBS/PPB/16
TAJUK TAWARAN / TENDER TITLE: TAWARAN**

UNTUK MENGENDALI KURSUS PEMANDU JENTERA BERAT (PROGRAM SINGKAT) PUSAT PEMBANGUNAN BELIA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. Tawaran dibukakan kepada Syarikat-Syarikat / Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengalaman dan berkemahiran dalam urusan pengendalian Kursus Pemandu Jentera Berat serta pengendali kursus/sekolah memandu hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan.
2. Syarikat-syarikat/Pemborong yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110, Negara Brunei Darussalam.
4. Yuran Tawaran adalah \$10.00 (B\$: Sepuluh Ringgit) sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat/pemborong sama ada yang Berjaya atau yang tidak Berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').
5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran berkenaan tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di: Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu (Depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110 Negara Brunei Darussalam.
7. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa

yang ditetapkan tidak akan dilayan.

8. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari Isnin, 02 November 2015, jam 4.00 petang.

9. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa Syarikat/Pemborong adalah di dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan serta (Business Enactment Section 16 dan 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

10. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisikan dengan penuh. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

11. Syarikat/Pemborong adalah disarankan membuat lawatan ke Pusat pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam pada hari dan waktu bekerja.

12. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Latihan ditalian 2393681 Ext. 717 atau Pengajar Teknik Kanan ditalian 2393681 Ext. 741, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

13. Setiap borang tawaran yang telah disikan dengan lengkap hendaklah disertakan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 9) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 4).

14. Setiap penyertaan hendaklah menghadapkan dokumen yang lengkap mengenai cadangan pengendalian kursus termasuk mengistiharkan senarai nama-nama pelaksana/fasilitator, sekolah memandu yang berdaftar dengan JPD, keterangan program kursus, scheduled work programmed an semua isi kandungan kursus-kursus yang akan dikendalikan. Kegagalan berbuat demikian membolehkan tawaran tidak disokong.

15. Keterangan sub kontraktor/pengendali kursus yang terlibat semasa kursus hendaklah diberikan surat deklarasi kerjasama/notis secara bersurat yang dihantar bersama-sama dokumen tawaran ini.

16. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

17. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

JUALAN SECARA TAWARAN AWAM (SEBUT HARGA) TERTUTUP

ADALAH dengan ini Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan akan mengadakan **Jualan Lelong Secara Awam (sebut harga) tertutup bagi 309 unit (79 Jenis) Alat-alat Ganti Kapal, Jabatan Laut.**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Jabatan Laut, Bahagian Kewangan, Tingkat 2, Serasa Muara, Negara Brunei Darussalam** semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Sabtu) pada **17 Oktober 2015** dan tarikh terakhir mengambil Borang Jualan Secara Tawaran Awam (Sebut Harga) secara tertutup ialah pada 4 November 2014, pukul 3.00 petang.
3. Bayaran Borang Tawaran Awam (Sebut harga) Tertutup ialah \$2.00 bagi setiap satu borang (Tidak Dikembalikan) dan waktu bagi menerima bayaran, Hari Isnin hingga hari Khamis 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang manakala hari Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
4. Hari Tawaran permulaan bagi 309 Unit (79 Jenis) Alat-Alat Ganti Kapal tersebut adalah \$1000.00.
5. Syarat-syarat Tawaran adalah seperti mana terkandung di dalam Borang Tawaran dan borang-borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran Sebut Harga dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.

Jualan Lelong Secara Awam (sebut harga) tertutup bagi 309 unit (79 Jenis) Alat-alat Ganti Kapal, Jabatan Laut. Serasa Muara

**Kementerian Perhubungan
Tingkat bawah, Penyambut Tetamu
Jabatan Laut, Serasa Muara
Kementerian Perhubungan
Negara Brunei Darussalam BT1728**

6. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.
7. Sebarang keterangan lanjut dan sebarang pertanyaan boleh menghubungi terus kepada:-
Awang Haji Al-Awalli bin Haji Kadir di talian 2771347-56 Ext: 400 Penyelenggara Stor Tingkat Khas.
dan datang terus ke Jabatan Laut untuk membuat penaksiran harga dan mengenal pasti peralatan/Perkakas Pejabat yang ditawarkan tersebut setelah membuat pembayaran borang Tawaran Sebut harga Secara Tertutup.
8. Pembeli/Pengusaha/Syarikat yang berjaya hendaklah memunggah barang-barang Peralatan Pejabat/perkakas pejabat tersebut dalam tempoh 2 hari setelah berjaya menerima surat makluman.
9. Pembeli/Pengusaha/Syarikat yang berjaya juga hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan Awam) setelah berjaya menerima surat makluman.
10. Tarikh tutup tawaran pada hari Rabu 4 November 2015 jam 3.00 petang.

DARI MUKA 27

**BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/62/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])**

**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI**

**1. SEKOLAH RENDAH DATO
MAHARAJA SETIA DIAN SUKANG,
BELAIT**

**2. SEKOLAH RENDAH MELI-
LAS, ULU BELAIT.**

**DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN

[BAGI KOD BLOK : MKN/09]

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN
TAWARAN : BND10.00**

**(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :
3 NOVEMBER 2015**

(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**BILANGAN TAWARAN :
MOE/LTK/63/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])**

**KETERANGAN : TAWARAN
RANCANGAN PERMAKINAN
SEKOLAH-SEKOLAH, BAHAGIAN
MAKAN BAGI**

1. SEKOLAH RENDAH SELAPON

2. SEKOLAH RENDAH SEMABAT

**DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN,**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN

[BAGI KOD BLOK : MKN/11]

**BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TA-
WARAN: \$10.00**

**(Bayaran Dokumen Tawaran tidak
dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU:
03/11/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang]**

**BILANGAN TAWARAN:
MOE/LTK/64/2015/2016
(DA[BPPA-OKT-2015])**

**KETERANGAN: TAWARAN RANCA-
NGAN PERMAKINAN SEKOLAH-SE-
KOLAH, BAHAGIAN MAKAN BAGI
SEKOLAH RENDAH PERPINDAHAN
BUKIT BERUANG II, DAERAH TU-
TONG, KEMENTERIAN**

PENDIDIKAN,

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BAGI TEMPOH DUA [2] TAHUN

[BAGI KOD BLOK : MKN/12]

**BAYARAN YURAN/ DOKUMEN TA-
WARAN: \$30.00**

**[Bayaran Dokumen Tawaran tidak di-
kembalikan]**

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU:
03/11/2015 [Tidak lewat jam 2.00 petang]**

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN
TAWARAN.**

**ISNIN HINGGA KHAMIS : 8:00 PAGI
HINGGA 11:45 PAGI**

1:45 PETANG HINGGA 3:00 PETANG

**SABTU : 8:00 PAGI HINGGA 10:00
PAGI**

SYARAT-SYARAT IKLAN TAWARAN

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat- Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Bayaran Yuran Tawaran bagi setiap ta-

waran adalah dikehendaki dalam bentuk Wang Tunai. Penender adalah dikehendaki membayar semua Yuran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).

3. Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

4. Sebelum mengambil borang, setiap Penender hendaklah membayar yuran Tawaran, di Tingkat 1, Blok 'B', Kaunter 1, Unit Tunai dan Hasil, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'B', Jabatan Pentadbiran dandan Perkhidmatan- Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam Sila pastikan Resit pembayaran Yuran Tawaran yang di terima adalah betul.

**HARI DAN WAKTU PENERIMAAN
WANG BAYARAN YURAN/DOKUMEN
TAWARAN**

**ISNIN HINGGA KHAMIS 8.00 PAGI
HINGGA 11.45 PAGI**

1.45 PETANG HINGGA 3.00 PETANG

**SABTU 8.00 PAGI HINGGA 10.00
PAGI**

5. Borang-borang Tawaran boleh diperolehi di Tingkat 1, Blok 'A', 'Kaunter 6, Unit Tawaran dan Sebutarga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam dengan menyerahkan resit pembayaran.

6. Setiap borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Salinan Resit Bayaran Yuran Tawaran.

7. Tawaran-Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan ditutup rapi. Pada

bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan indetiti Penender dan ditujukan kepada :-

**PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BLOK 'A' TINGKAT 1
BAHAGIAN PERKHIDMATAN
KEWANGAN 'A'
LAPANGAN TERABNG LAMA, BER-
AKAS.**

**BANDAR SERI BEGAWAN. BA 3510
NEGARA BRUNRI DARUSSALAM.**

8. TAWARAN hendaklah dimasukan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Blok 'A' Tingkat 1, Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A', Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.

9. Tawaran-Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai Tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima Tawaran yang paling rendah atau sebarang Tawaran yang tidak munasabah.

11. Setiap Tawaran yang diisi dan ditulis dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

12. Penender yang menolak atau membatalkan Tawaran atau kontrak setelah kebenaran Tawaran diperolehi atau setelah tutup Tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang di berikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Syarikat SEAS milik peniaga tempatan



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali ketika merasmikan Syarikat SEAS yang terletak di Serambangan, Tutong.



PENAMPILAN pengusaha tempatan ke arah membantu mempelbagaikan perekonomian negara, membuka peluang-peluang pekerjaan jelas Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi semasa ditemu bual Pelita Brunei.

TUTONG, Ahad 18 Oktober. - Menjalankan sebuah perniagaan merupakan salah satu mata pencarian yang memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusahanya.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Justeru itu, seorang belia tampil ke hadapan bagi mengusaha Syarikat SEAS milik keluarganya yang mula ditubuhkan pada bulan Februari 2015, iaitu kedai runcit menjual aksesori, pakaian lelaki dan wanita serta kedai menjual motor dan aksesori peralatan Semua Kenderaan Medan (All Terrain Vehicle-ATV).

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Rasmi Syarikat SEAS diadakan di Blok 'B', Unit 24A dan 24B, Bangunan Haji Md. Zain bin Haji Serudin dan Anak-Anak, Kampung Tanjung Panjang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pembukaan rasmi syarikat berkenaan ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Majlis diserikan dengan persembahan tarian kebudayaan.

Sejurus perasmian, tetamu kehormat dibawa melawat dan menyaksikan ruang jualan di kedai syarikat berkenaan dan seterusnya dipelawa bagi menyaksikan mini pameran sempena pembukaan rasmi kedai Syarikat SEAS.

Dalam temu bual bersama Pegawai Daerah Tutong bagi mendapatkan penjelasan mengenai penampilan pengusaha tempatan ke arah membantu mempelbagaikan perekonomian negara ini beliau bersyukur kerana adanya minat para belia dan masyarakat di daerah ini mengusahakan aktiviti-aktiviti berbentuk perekonomian.

"Tidak syak lagi usaha ini dapat mendukung kepada perkembangan Daerah Tutong dalam membuka peluang-peluang perniagaan dan peluang pekerjaan," ujarnya.

Selain itu ia juga, katanya, memberikan peluang untuk bekerja rapat dengan Jabatan Daerah dalam usaha Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan, daerah ini mengembangkan program 'Destinasi Tutong' yang dilaksanakan pada masa ini.

"Kita melihat banyak peluang

kerjasama dan di antaranya penyediaan bahan-bahan cenderamata dan juga meningkatkan hasil Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) di Daerah Tutong, di mana melalui syarikat ini akan dapat memberi nilai tambah terhadap produk-produk yang sedia ada," tambah Awang Wardi seterusnya.

Beliau mengharapkan MPMK daerah ini akan dapat memanfaatkan usaha daripada penduduk setempat dalam sama-sama membangun ekonomi masyarakat selain sebagai usaha menarik pengunjung ke daerah ini.

Sementara itu, pengusaha Syarikat SEAS, Awang Saiful Rizan bin Abdullah, 37 tahun, ketika ditemui menjelaskan penubuhan syarikat dijalankan secara berkeluarga dengan menjalankan dua perniagaan iaitu mengeluarkan hasil buatan pakaian, pencetakan baju dan seluar serta menjual barangan aksesori dan ATV.

"Sejarah awal, impian untuk mengusaha perniagaan seperti ini mula timbul dari tahun lepas, dan saya bersyukur pada tahun ini Syarikat SEAS sudah beroperasi sepenuhnya."

Sebelum memulakan perniagaan mencetak ini, saya menimba

pengalaman dan belajar beberapa kaedah mencetak dari salah sebuah syarikat percetakan swasta di negara ini pada waktu malam," ujarnya.

Di awal perniagaan, jelasnya, sambutan menerima tempahan agak perlahan akan tetapi bermula pada bulan ini Syarikat SEAS sudah menerima banyak tempahan daripada pelanggan.

Menyentuh mengenai cabaran dalam perniagaan mencetak ini adalah kelambatan menerima barang seperti dakwat daripada para pembekal tetapi perkara ini dapat diatasi.

Beliau mengambil kesempatan menasihatkan para belia agar tampil ke hadapan dan dapat menonjolkan diri selagi ada kemahuan tanpa segan silu. Selain itu, sokongan dari keluarga, katanya, amat penting bagi membantu menguatkan semangat.

Syarikat SEAS beroperasi setiap hari kecuali hari Ahad dari pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Selain menjual aksesori pakaian lelaki dan wanita serta ATV, syarikat ini juga menyewakan petak kecil *cubicle* dengan harga BND25 sepetak kepada orang ramai bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil menjual dan mempamerkan barangan mereka.



PEGAWAI Daerah Tutong menyaksikan demonstrasi teknik *silk screen printing* salah satu kaedah yang digunakan di Syarikat SEAS untuk pembuatan mencetak baju tempahan khas.



PENGUSAHA Syarikat SEAS, Awang Saiful Rizan bin Abdullah memberikan penerangan ringkas mengenai produk-produk keluaran syarikat tersebut kepada Pegawai Daerah Tutong (kiri). Sementara gambar kanan tetamu kehormat menyaksikan mini pameran *radio controlled aircrafts*.

Taman Rekreasi Herba jana perkembangan ekonomi



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, selaku Ketua Kampung Putat semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut.

KAMPUNG PUTAT, Ahad, 18 Oktober. - Kampung Putat telah menerima lawatan daripada 20 ahli Persatuan Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) di Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.

Rombongan Persatuan BISTARI diketuai oleh isteri Menteri Pembangunan, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman yang juga Pengerusi Persatuan tersebut.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, selaku Ketua Kampung Putat dalam ucapan alu-aluannya berkata, misi kampung berkenaan ialah untuk menjadikannya sebagai sebuah kampung yang mencapai keperluan masa depan yang cerah, harmoni dan tenteram serta bersatu padu bagi mencapai kejayaan.

Menurutnya, melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK), kampung itu berusaha untuk sama-sama mencapai tujuan dan misi dalam semua aspek.

Beliau menambah, MPK telah berjaya menjalankan berbagai-bagai aktiviti seperti terbinanya Taman Rekreasi Herba Kampung Putat.

Taman Rekreasi Herba Kampung Putat telah berjaya menjadi tarikan kepada pengunjung

Oleh :
Haji Mahmud Hafidzie Haji Ali Mashod
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dari dalam dan luar negeri yang mana beberapa agensi-agensi dan institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam, Maktab Jururawat, Universiti Sabah Malaysia dan lain-lain telah berkunjung bagi membuat kajian tentang herba yang terdapat di taman berkenaan.

Pada peringkat awal, taman berkenaan berasaskan satu produk eko pelancongan dan akan dikembangkan bagi penghasilan, pembuatan dan penjualan produk herba pada masa akan datang.

Pokok-pokok herba yang terdapat di taman ini terdiri daripada spesies asli yang sedia tumbuh di kawasan taman, didapati dari tempat lain di dalam dan luar negara.

Menurutnya, usaha penduduk kampung berkenaan telah mendapat perhatian dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan serta Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan membina lima buah pondok, tempat letak



ISTERI Menteri Pembangunan, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Persatuan Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima.



IBU-IBU tunggal dan seorang warga emas kampung berkenaan juga diberikan sumbangan berupa barangan asasi daripada Persatuan BISTARI (kiri), sementara gambar kanan, Datin Hajah Asmah semasa berucap pada majlis berkenaan.



DATIN Hajah Asmah, selaku Pengerusi Persatuan BISTARI dan ahli-ahli Persatuan BISTARI ketika menyaksikan cara-cara membuat kuih asli Brunei.

kereta, kerusi-kerusi batu, tempat barbeku, tandas, sebuah bangunan pelbagai guna dan laluan berjalan kaki dari pondok ke pondok.

Rombongan juga seterusnya dibawa bagi melihat hasil-hasil produk yang telah dibuat oleh penduduk Kampung Putat.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan BISTARI, Datin Hajah Asmah semasa ditemu bual menyatakan, tujuan dan objektif Persatuan BISTARI membuat lawatan itu adalah untuk memberi derma sumbangan kepada seorang ibu tunggal yang mana rumah beliau memerlukan

pembaikan tangga yang sudah roboh.

Selain itu, ibu-ibu tunggal dan seorang warga emas kampung berkenaan juga diberikan sumbangan berupa barangan asasi daripada pihak persatuan, jelasnya lagi.

Beliau menambah, lawatan itu juga adalah untuk melihat sendiri keindahan dan kemudahan Taman Rekreasi Herba berkenaan.

Beliau menambah, pihaknya akan sentiasa memberi sokongan terhadap produk-produk kampung yang terdapat di Kampung Putat ini bagi menjana ekonomi penduduk kampung berkenaan.

TAMAN Rekreasi Herba Kampung Putat telah berjaya menjadi tarikan kepada pengunjung dari dalam dan luar negeri yang mana beberapa agensi-agensi dan institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Brunei Darussalam, Maktab Jururawat, Universiti Sabah Malaysia dan lain-lain telah berkunjung bagi membuat kajian tentang herba yang terdapat di taman berkenaan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan trofi kepada pemenang johan berpasukan, Dato Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz (atas) dan Haji Mohd. Aminuddin bin Dato Haji Mohd. Samid (bawah).



JERUDONG, Ahad, 18 Oktober. - Kejohanan Golf Amal 'Audi quattro Cup Brunei' 2015 yang berlangsung sejak 16 Oktober lalu di Kelab Golf Diraja Brunei (RBGCC), Jerudong berakhir dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang.

Pada kejohanan tiga hari itu, pasangan anak-beranak, Dato Haji Mohd. Samid bin Haji Abd. Aziz dan Haji Mohd. Aminuddin bin Dato Haji Mohd. Samid diumumkan johan berpasukan dengan mengumpul 45 mata 'On Count Back' sekali gus bakal mewakili negara ini ke Kejohanan Golf Dunia di Ocean Course, Cabo del Sol, Mexico pada penghujung bulan

November depan.

Manakala naib johan dimenangi oleh pasangan Haji Osman bin Salleh dan Haji Raya dengan 45 mata dan tempat ketiga disandang oleh pasangan Ang Kian Han dan Simon Newn dengan 44 mata 'On Count Back'.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah pada majlis yang berlangsung di RBGCC di sini ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian cek bernilai lebih BND26,000 yang disumbangkan

Pasangan anak-beranak pemenang Kejohanan 'Audi quattro Cup Brunei'

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

untuk Pusat Ehsan Al-Amceerah Al-Hajjah Maryam dan merupakan hasil kutipan daripada yuran penyertaan para pemain pada kejohanan amal tersebut.

Penyampaian cek diserahkan oleh Pengerusi Bersama Kejohanan, Awang Haji Yaakub bin Haji Jumat kepada Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan, Pusat Ehsan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman.

Seramai 130 pasukan mengambil bahagian pada kejohanan golf amal kali keenam ini yang merupakan kejohanan global amatir sekali gus menandakan penyertaan paling ramai yang pernah dicatatkan.

Sementara itu dalam temu bual bersama pemenang johan kali ini, Haji Mohd. Aminuddin menjelaskan keadaan cuaca yang mendung serta

rumput yang sedikit basah turut memberi impak kepada strategi permainannya kali ini.

Namun beliau turut memberikan perhatian sepenuhnya dan cuba sedaya upaya untuk memasukkan bola ke dalam lobang dan mengambil setiap peluang dengan baik.

Ketika ditanya apakah harapan beliau apabila bakal mewakili negara ke kejohanan di Mexico nanti, Haji Mohd. Aminuddin menjelaskan, buat masa ini belum membuat sebarang perancangan dan ekpektasi, namun akan membuat dengan sebaiknya nanti.

Piala quattro Audi anjuran T.C.Y Motors Sendirian Berhad, selaku pengedar utama dan pengimport jenama Audi di negara ini adalah kejohanan amatir dengan format

berpasukan yang menggunakan peraturan 'Greensome Stablefod' atau 'Best Ball', yang bertujuan untuk meningkatkan pengalaman bermain golf secara keseluruhan kerana kebanyakan kejohanan dimainkan oleh pemain golf individu.

Sejak dimulakan pada tahun 1991, lebih sejuta pemain seluruh dunia telah pun menyertai kejohanan golf amatir terbesar ini yang mana 55 buah negara pasukan terakhir akan bersaing dalam kejohanan akhir.

Pasukan tahun lalu iaitu pasangan Haji Momin bin Haji Shawal dan Haji Azman bin Haji Mohd. Daud telah mewakili Negara Brunei Darussalam pada Kejohanan Dunia 2014 di Jumeirah Golf Estates, Dubai.

Tahun ini merupakan kali keenam kejohanan ini diadakan di Negara Brunei Darussalam dan merupakan ulang tahun ke-25 bagi Audi quattro Cup seluruh dunia.



PENGERUSI Bersama Kejohanan, Awang Haji Yaakub bin Haji Jumat menyerahkan cek kepada Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan, Pusat Ehsan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman.



HAJI Mohd. Aminuddin bin Dato Haji Mohd. Samid ketika ditemu bual Pelita Brunei.

'The Escape Experience' dapat pupuk hubungan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

KIULAP, Ahad, 18 Oktober. - 'The Escape Experience' merupakan satu pengembaraan yang unik berdasarkan permainan klasik *escape room* yang kini popular di kebanyakan tempat di seluruh dunia.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Rasmi 'The Escape Experience' disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman bertempat di Setia Kenangan II, Kampung Kiulap, di sini.

Dalam permainan itu, pemain akan dikunci di dalam sebuah bilik yang ringkas dengan menggunakan objek dan alat-alat bilik sebagai teka-teki untuk dicari oleh para pemain bagi melepaskan diri mereka dalam bilik tersebut.

Permainan itu juga adalah satu permainan yang menyeronokkan dan menarik, di samping mencabar serta menguji minda kita dengan tiga tema bilik yang disediakan, iaitu 'Super Mario', 'Doremon' dan 'Breaking Out of Prison'.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina ketika mencuba sendiri permainan yang menguji minda sesiapa sahaja yang datang ke 'The Escape Experience' tersebut.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina bersama-sama dengan ahli-ahli syarikat berkenaan memotong reben perasmian pada Majlis Pembukaan Rasmi 'The Escape Experience' bertempat di Setia Kenangan II, Kampung Kiulap.

Setiap bilik mempunyai satu pasukan yang terdiri daripada enam peserta di mana mereka dikurung di dalam bilik itu selama 60 minit bagi menyelesaikan misteri dalam bilik berkenaan.

Sementara itu, Pemilik 'The Escape Experience', On Hung Zheng menyatakan, 'Escape Room' mula dimainkan di Malaysia dan kini dibawa ke Brunei dengan inisiatif supaya rakyat di negara ini akan dapat menikmati permainan *escape room* tersebut.

Melalui permainan tersebut, beliau berharap para peserta atau keluarga dapat mengenali di antara satu sama lain, di samping membantu memupuk hubungan mereka sama ada di antara kawan-kawan dan rakan sekerja.

'The Escape Experience' mula dibuka selepas jam 6.00 petang pada setiap hari dengan harga BND19 seorang sementara pada hari Isnin hingga Khamis pula dibuka pada jam 1.00 petang hingga 6.00 petang dengan harga BND17 seorang.

Orang ramai yang berkeinginan

untuk menyertai *escape room* bolehlah berkunjung ke 'The Escape Experience' di Unit F3, Tingkat 1 dan 2, Blok 'F', Setia Kenangan II, Simpang 150-9-13-8, Kampung Kiulap.

Mereka juga boleh melayari ke laman sesawang Facebook 'THEESCAPEEXPERIENCE' atau Instagram 'ESCAPEXP.BN' atau menghubungi / WhatsApp melalui talian +6738287778 untuk keterangan lebih lanjut.

Taati, patuhi setiap peraturan dan arahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Sebagai seorang anggota Perkhidmatan Awam, Kursus Induksi dapat memberikan pendedahan, pemahaman dan penjelasan kepada peserta-peserta kursus mengenai dengan selok-belok pengurusan pentadbiran Perkhidmatan Awam di negara ini dilaksanakan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menekankan perkara itu pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Induksi Ke-4 Bagi Pegawai-Pegawai Yang Baru Berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di Bawahnya, bertempat di Dewan Bertabur, kementerian berkenaan, di sini.

Yang Berhormat yakin para peserta kursus juga dapat mengetahui dan memahami dengan lebih jelas dan mendalam lagi akan fungsi dan peranan jabatan-jabatan di mana mereka bertugas pada masa ini.

“Dalam kesempatan ini, saya juga ingin menekankan kepentingan dan kewajiban bagi pegawai yang baru berkhidmat mahu juga yang sudah lama berkhidmat di kementerian ini untuk sentiasa mentaati dan mematuhi setiap peraturan dan arahan yang telah digarispandukan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sama ada ia berbentuk akta seperti *general orders* dan *financial regulations* ataupun arahan-arahan lain seperti melalui surat-surat pekelilingan atau surat-surat pemberitahuan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan,” tegas Yang Berhormat.

Tambahnya, setiap penjawat dan Perkhidmatan Awam di kementerian itu mesti sentiasa bersifat jujur dan amanah semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab dan sentiasa mengelakkan diri daripada melakukan segala bentuk sifat negatif dan dilarang, seperti pecah amanah, mengamalkan rasuah, tidak jujur dan amanah, dan tidak bertanggungjawab dalam pekerjaan, pilih kasih dan seumpamanya.

Di samping itu, katanya, semua pegawai dan kakitangan di kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya hendaklah sentiasa bekerja sebagai satu kumpulan dengan saling bekerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain dan antara bahagian dan bahagian yang lain dan antara

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

jabatan dan jabatan yang lain supaya kementerian kita ini akan dapat mencapai segala hasrat dan matlamat yang kita hajatkan sebagai satu kementerian yang sentiasa *bersedia berkhidmat* bagi agama, bangsa dan negara.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Induksi Ke-4 Bagi Pegawai-Pegawai Yang Baru Berkhidmat Di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya, bertempat di Dewan Bertabur, kementerian berkenaan.

Sentiasa tekun dan komited dengan tugas

Dari muka 1

Berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Induksi Ke-4 Bagi Pegawai-Pegawai Yang Baru Berkhidmat di Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya, Yang Berhormat seterusnya berkata, mana-mana organisasi atau jabatan yang dianggotai oleh rata-rata pegawai dan kakitangan yang rajin, cemerlang dan berdedikasi dan dapat berfungsi sebagai satu pasukan atau kumpulan pasti akan dapat melaksanakan segala tugas yang diamanahkan dengan baik, cepat, cekap dan memuaskan.

Menurut Yang Berhormat, suasana dan persekitaran kerja yang kondusif dan harmoni sebegini sudah setentunya akan dapat berfungsi dengan efisien dan teratur, dan dapat memenuhi dan mencapai cita rasa, kehendak dan kemahuan pelanggan.

Dari itu, Yang Berhormat penuh berharap agar semua pegawai dan kakitangan di kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya akan dapat menjadi satu *model* pekerja yang berintegriti dan dapat sama-sama merealisasikan wawasan, visi dan misi yang sama.

Tambahnya, dengan adanya semangat bekerja dalam satu pasukan dan dengan dukungan dan sokongan ketua-ketua jabatan dan divisyen atau

bahagian masing-masing, mereka akan dapat mewujudkan sebuah kementerian dan jabatan yang pemeduliaan pragmatik, dinamik dan berwibawa yang dapat memberikan perkhidmatan yang efektif dan berkualiti tinggi, memuaskan dan berkesan serta berupaya memenuhi aspirasi dan jangkaan atau *expectation* pelanggan, masyarakat dan negara.

“Maka selaku warga kerja di Perkhidmatan Awam, saya juga menyeru kepada semua pegawai-pegawai yang baru berkhidmat di kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya agar sentiasa tekun dan komited dengan tugas masing-masing dengan memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti tinggi dan berusaha dengan gigih bagi membantu kementerian ini atau jabatan-jabatan di mana Awang dan Dayang bertugas dalam memastikan segala visi dan misi kementerian ini mahupun jabatan Awang dan Dayang bertugas dapat dicapai sepenuhnya,” ujar Yang Berhormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Bertabur, kementerian berkenaan.

Para pegawai, selaku pekerja baru, ujarnya, perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan skil, kebolehan dan ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran dalam jurusan masing-masing dan tidak semestinya berasa malu untuk belajar dan

bertanya rakan-rakan sejawat atau pekerja-pekerja bawahan jika kurang tahu atau tidak memahami sesuatu tugas yang diberikan.

Di samping itu, jelasnya, mereka juga perlu memahami teknologi maklumat terkini yang sangat penting dan berguna.

“Saya penuh berharap dan berdoa agar pegawai dan kakitangan di kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya ini dapat menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan dengan cepat dan tepat, supaya tidak berlaku *back logs* yang kemudiannya akan mendatangkan masalah ataupun kerugian kepada pelanggan dan orang ramai,” tambahnya lagi.

Menteri Pendidikan terima anugerah



MENTERI Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong telah menerima Anugerah The Nanyang Distinguished Alumni Award dari Nanyang Technological University (NTU), Republik Singapura.

REPUBLIK SINGAPURA, Selasa, 20 Oktober. - Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong telah menerima Anugerah The Nanyang Distinguished Alumni Award dari Nanyang Technological University (NTU).

Anugerah bagi alumni NTU yang mempunyai rekod pencapaian yang membanggakan itu telah disampaikan oleh Presiden NTU, Profesor Bertil Anderson di Pejabat Presiden universiti berkenaan hari ini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan merupakan di antara tiga penerima anugerah yang mendapatkan penghormatan bagi menerima anugerah tersebut. Penerima-penerima lain ialah Minister of State in the Ministry of Manpower, Yang Berhormat Teo Ser Luck dan Datuk Bandar bagi North East District di Singapura serta Ketua Eksekutif Public Utilities Board dan Timbalan Setiausaha (Tugas-Tugas Khas) di Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Air, Republik Singapura, Dato Seri Pahlawan Ng Joo Hee.

Penganugerahan tersebut adalah bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan besar Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Semenjak menjawat folio Menteri Pendidikan pada 29 Mei 2010, kemajuan pendidikan di negara ini terus berkembang dengan signifikan ke arah pembangunan negara yang berkualiti.

NTU merupakan antara institusi pengajian tinggi terbaik dunia dengan kedudukan di tangga ke-13 dalam ‘QS World University Rankings’ dan tempat kedua universiti terbaik dalam ‘QS Asian University Rankings’.

Turut hadir dalam majlis penyampaian tersebut ialah Naib Canselor Institut Teknologi Brunei (ITB), Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Penolong Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Joyce Teo Siew Yean.

Penyertaan Aerobik Besar-Besaran dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Oktober. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan mengadakan Aerobik Besar-Besaran (Mass Aerobic) pada hari Sabtu, 31 Oktober 2015 bermula pukul 8.00 hingga 10.00 malam bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Penyertaan bagi aerobik tersebut itu dibuka kepada semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam dengan bayaran penyertaan sebanyak BND5.

Tiket penyertaan boleh didapati di Urusetia Mass Aerobic, Tingkat 6, Bahagian Sukan, JBS, Bangunan KKBS atau pada hari aktiviti dijalankan yang mana tiket penyertaan akan diedarkan bermula pukul 7.00 malam di pintu masuk stadium berkenaan.

Untuk mendapatkan keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Sukan, JBS melalui talian 2381903/4/5 sambungan 1616, 1630 atau 1632.

SENTIASA AMALKAN, BUDAYAKAN CARA HIDUP SIHAT

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.